

# JAMBATAN PULAU PINANG

(himpunan sajak, cerpen dll)

Datuk Syed Zainal Abidin  
bin S.A.M. Jamalullail



*Jambatan Pulau Pinang  
dikeluarkan untuk Yayasan Kebajikan Negara.*

*Semua bahan dalam buku ini  
tidak boleh diterbitkan semula  
dalam bentuk apapun tanpa kebenaran  
daripada Yayasan Kebajikan Negara.*

Yayasan Kebajikan Negara  
Kuala Lumpur  
1990

ISBN 967 969 233 7

APB719178 ♦

08 MAY 1995 NASKHAH PEMERIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

M  
939.55183355

57A

*Dicetak oleh  
Percetakan Jiwabaru Sdn. Bhd.,  
Lot 14 No. 2, Jalan P/8,  
Kawasan MIEL FASA 2, Bandar Baru Bangi,  
43000 Bangi, Selangor.*

## MENTERI LUAR NEGERI

Wisma Putra  
50460 Kuala Lumpur  
Tel. K.L. 03-2488088



17hb. April, 1990.

### KATA-KATA ALUAN



Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi penghormatan untuk menyampaikan sepatah dua kata di dalam buku cenderamata sempena pelancaran buku antologi sajak 'Jambatan Pulau Pinang' oleh Y. Bhg. Datuk Syed Zainal Abidin bin S.A.M. Jamalullail.

Saya mengucapkan tahniah kepada Datuk Syed Zainal Abidin, Ketua Setiausaha Kementerian Kebajikan Masyarakat yang telah mengorbankan masa, tenaga dan pemikiran yang kritis bagi menghasilkan sebuah buku sajak yang tidak kurang tinggi nilainya. Ketajaman fikiran beliau dalam membincarakan berbagai aspek kehidupan masyarakat secara umum yang menyentuh mengenai suasana birokrasi yang kini sedang mengalami suatu perubahan ke arah perkhidmatan awam yang lebih cemerlang dan produktif adalah sangat membanggakan.

Semoga usaha gigih Datuk Syed Zainal Abidin ini akan dapat memberi manfaat kepada para pencinta sajak, seterusnya para pembaca dari berbagai lapisan masyarakat di negara ini pada keseluruhannya.

Sekian. Terima kasih dan Wassalam.



---

(DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR)



MENTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT  
(MINISTER OF WELFARE SERVICES),  
MALAYSIA

Telefon. 2925011, 2926116  
Kuwait: WELDEP KUALA LUMPUR

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami:

Tarikh:

## KATA-KATA ALUAN



Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Datuk Syed Zainal Abidin Jamalullail, bekas Ketua Setiausaha, Kementerian Kebajikan Masyarakat Malaysia kerana berjaya menghasilkan antologi sajak "JAMBATAN PULAU PINANG". Antologi ini sudah tentu akan menjadi satu tanda mata dan kenangan abadi bagi kita semua.

Tajuk antologi beliau itu adalah sesuai sekali memandangkan Yang Berbahagia Datuk Syed Zainal Abidin mempunyai pengalaman yang cukup luas di Pulau Pinang selaku Pegawai Daerah dan juga Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semasa berkhidmat di Kementerian Kebajikan Masyarakat beliau telah banyak menabur jasa bakti dengan memberikan pandangan, pendapat, kritikan dan tindakan yang positif ke arah meningkatkan produktiviti dan

kualiti melalui semangat bekerja sebagai satu pasukan. Kegiatan beliau dalam bidang penulisan sajak dan cerpen telah menonjolkan beliau sebagai seorang yang mampu menghasilkan karya secara kreatif meskipun sibuk dengan tugas-tugas harian. Ini haruslah menjadi contoh dan teladan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih di atas kerjasama Yayasan Kebajikan Negara di dalam menerbitkan antologi ini dan terima kasih juga kepada Datuk Syed Zainal Abidin yang telah bermurah hati menderma keseluruhan hasil antologi ini kepada Yayasan Kebajikan Negara.

Semoga antologi ini mendapat sambutan yang baik dan kepada Datuk Syed Zainal Abidin saya ucapkan "Selamat Bersara" dan terus maju jaya.

Terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Mustaffa". It is written in a cursive style with a horizontal line underneath it.

(DATO' MUSTAFFA MOHAMMAD)

TINGKAT 6-16, WISMA SHEN, JALAN MASJID INDIA, 50562 KUALA LUMPUR.

*Khas  
Untuk*

*Ibuku yang dikasih Sharifah Aunah  
Isteriku yang kucintai Khatijah Hj Nyak Gam  
Serta*

*Anak-anakku yang disayangi Sharifah Aidah, Syed  
Azim, Syed Azarin dan Sharifah Azlin Juliana.*

*Juga*

*Kepada semua yang kurang bernasib baik yang  
memerlukan kasih sayang, bantuan dan pembelaan dari  
masyarakat yang berkecimpungan di seluruh negara.*

## “PENGHARGAAN”

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah bermurah hati, rela membantu saya menjayakan penerbitan buku saya yang sulung ini. Tanpa bantuan mereka, kejayaan yang diperolehi dalam penerbitan buku ini mungkin tidak tercapai.

Mereka yang berikut, khususnya, telah banyak mengorbankan masa dan tenaga untuk membantu saya dari mula hingga akhir, iaitu:

- (1) Saudara Noraini Mohd. Yusof yang telah memberi kata-kata nasihat, tunjuk ajar dan juga menyediakan “sketches” untuk sajak-sajak tertentu.
- (2) Saudari Napsiah bte Haji Abdullah, bekas Pembantu Khas saya kerana telah bertungkus-lumus menaipkan segala bahan-bahan dalam buku ini.
- (3) Saudara Wan Azmi Ramli dari Bahagian Perancangan dan Pembangunan, Kementerian Kebajikan Masyarakat yang telah memberi perangsang, kata-kata nasihat dan idea-idea yang bernes.
- (4) Saudara Ghazi H. Ramli dari Syarikat Berita Publishing Group yang telah sanggup menerbitkan buku ini sungguhpun masa yang diberi adalah terlalu suntuk.

Ucapan terima kasih saya adalah juga ditujukan kepada Y.B. Menteri Luar Negeri, Dato' Abu Hassan bin Haji Omar, Y.B. Menteri Kebajikan Masyarakat, Dato' Mustaffa bin Mohammad di atas kemurahan hati mereka yang tidak ternilai dan kesudian untuk memberi Kata-kata Aluan dalam buku saya yang tidak sepertinya ini.

Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih saya, ditujukan kepada Yayasan Kebajikan Negara kerana telah bersetuju menaja pelancaran buku saya ini oleh Y.A.Bhg. Datuk Paduka Datin Seri Dr. Siti Hasmah bte Mohd. Ali pada 18.5.1990 iaitu pada tarikh mulanya saya bersara dari Perkhidmatan Kerajaan. Kepada Y.A.Bhg. Datuk Paduka Datin Seri Dr. Siti Hasmah bte Mohd. Ali, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesudiannya melancarkan buku saya ini.

Segala hasil dari penjualan buku ini (percetakan pertama) adalah didermakan dengan ikhlasnya kepada Tabung Yayasan Kebajikan Negara. “Harimau Mati Meninggalkan Belang, Manusia Mati Meninggalkan Nama”.

PENGARANG

## ISI KANDUNGAN

Halaman

<i>Kata-kata aluan YB. Abu Hassan bin Haji Omar</i>	iii
<i>Kata-kata aluan YB. Dato' Mustaffa bin Mohammad</i>	v
Jambatan Pulau Pinang	1
Pembangunan Atau Pencemaran?	3
Produktiviti Tidak Bererti	4
Jalan Masjid India	5
Alam Yang Indah	7
Desa Terus Sunyi	9
Birokrasi Kerajaan	10
<i>Antara Amran Dengan Busu</i>	12
Pembangunan, Birokrasi dan Perubahan	15
Nasib	25
A Good Feat	27
Frust	29
Kejayaan Tiga Kali Berturut-turut	31
Persaraan	33
Kenapa Tiba-tiba Aku Dibenci	35
Khalwat	37
Pembalasan Tuhan	39
Insan Munkar	40
Gelombang Hidup	42
Mereka Yang Tersisih.....	43
Pesanan Kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat	45
Warga Tua	47
Caring Society	49
Senior Citizen	50
<i>Mereka Sudah Dilupai</i>	52
Masalah Sosial Semasa: Tugas Masyarakat	56
Akhbar	62
Denial of Justice	64

Aku Berkuasa	65
Kenapa	67
Pengaruh Wang	69
<i>Buta Hati</i>	70
<b>Mesyuarat Kedua Menteri-Menteri Kebajikan</b>	
Masyarakat ASEAN	73
Pengarang Durjana	78
Sea Games XV	79
CHOGM	81
Hong Kong	83
David Copperfield	84
Tragedi Nadrah (Maria Hertog)	86
<b>Cabaran-cabaran Dalam Pelaksanaan Projek-</b>	
<b>projek Pembangunan</b>	88
Sahabatku Politikus	93
Parti Komunis Malaya	94
Demokrasi Bangun Semula	97
Kau Dibebaskan	99
<b>Pengalaman Saya Di Kementerian Kebajikan</b>	
Masyarakat Selama 6 Tahun 10 Bulan	100
Lagu "Bersatu Untuk Kebajikan"	109

## JAMBATAN PULAU PINANG

I

Mula-mulanya.....  
Ramai orang mencaci, benci  
Kos pembinaanmu terlalu tinggi  
Menimbulkan berbagai reaksi  
Manfaatmu terhad sekali  
Rakyat tak puas hati  
Di seluruh negeri.

II

Sekarang.....  
Pembinaanmu tersergam menjadi kenyataan,  
Namun kritik masih kedengaran  
Di antara pro dan kontra  
Masing-masing tertanya-tanya  
Apakah kau benar-benar berguna  
Untuk rakyat dan negara?

### III

Terjadi satu peristiwa.....  
Berlakunya tragedi feri, ngeri sekali  
Di luar dugaan sama sekali  
Ramai cedera dan mati  
Feri ditinggalkan, kau dibanjiri  
Lari dari mala petaka yang menimpa  
Bagaimana agaknya jika kau tiada?

### IV

Akhirnya.....  
Kau disanjung tinggi, tanpa benci  
Dari kanan maupun kiri  
Suara sumbang ditelan sunyi  
Syabas! manfaatmu sudah terbukti  
Rakyat mempelajari penuh erti  
Dari peristiwa pahit tragedi feri.

### V

Akan datang.....  
Kau pasti mengharumkan nama Negara, Malaysia  
Keindahanmu memikat dan menawan pelancong semua,  
Jauh dekat, tua, muda,  
Kalian terpegun terpesona  
Masihkah kos pembinaan kau terlalu tinggi?  
Tetapi manfaatmu banyak tidak terperi.

Mei 1989

## PEMBANGUNAN ATAU PENCEMARAN?\*

Dahulu,

Kulihat alam semula jadi serba indah, serba permai  
Gunung-ganang, bukit-bukau, hutan belantara  
Luas terbentang, saujana mata memandang.....  
Pohon-pohon menghijau, burung-burung berterbangan,  
Riang,  
Ternakan berkeliaran tanpa gembala  
Masing-masing mencari rezeki  
Oh! betapa indahnya!

Sekarang,

Kulihat alam semula jadi masih indah  
Tetapi tidak seindah dahulu lagi  
Hutan belantara sudah dinoda tanpa dara  
Oleh manusia yanggilakan kekayaan  
Kononnya 'pembangunan'!  
Tanpa kawalan punca kemusnahan  
Alam bersih dinodai pencemaran  
Oh! betapa sedihnya!

Akan datang,

Pencemaran alam sudah terasa  
Udara ozone sudah tidak ada  
Cuaca buruk datang tiba-tiba  
Hujan mengganas, banjir bermaharajalela  
Sungai-sungai cetek hampir tidak mengalir lagi  
Apakah itu 'pembangunan' atau 'pencemaran'?  
Wahai insan  
Renungilah bersama  
Sebelum alam pupus, punah dan binasa semuanya.

April 1989.

---

\* Dari *Majalah Berita Kebajikan*, Jld XVII Jan-April, 1989 m.s. 11.

## PRODUKTIVITI TIDAK BERERTI\*

I

Alangkah banyak masa terbuang  
Di atas jalan raya pagi dan petang  
'Traffic Jam' amat ketara  
Apakah Pihak Berkuasa  
Bersikap sepi sahaja?

II

Kakitangan Kerajaan diarah  
Melipatgandakan produktiviti,  
Sampai ke pejabat hampir  
Setengah mati  
Kepada mereka yang memandu sendiri  
'Mood' bekerja hampir tandus sama sekali.

III

Terdapat pemandu hilang kesabaran  
Potong memotong tanpa peraturan  
Bimbang kepada Kad Perakam Waktu  
Dua kali merah padah menunggu.

IV

Jalan sempit kereta penuh sesak,  
Berhimpit-himpit, berasak-asak,  
Kereta terpaksa juga dibawa  
Kerana kenderaan awam tidak bermakna.

V

Sampai masanya Pihak Berkuasa bertindak,  
Mengatasi masalah tidak boleh tidak  
Jikalau masih dipandang sepi,  
Dasar Produktiviti tidak ada erti.

April 1989

---

\* Dari *Majalah Berita Kebajikan*, Jld XVII Jan-April, 1989 m.s. 10.



## JALAN MASJID INDIA\*

### I

Terletak di tengah-tengah Ibu Kota  
Dari Wisma Yakin ke SEMUA HOUSE  
Kau dibanjiri setiap ketika  
Oleh manusia dekat dan jauh

### II

Kau berbangga dengan beraneka restoran  
Untuk menjamu selera sekelian insan  
Sebut sahaja apa mahu  
Pasti ada satu persatu

### III

Bukan sahaja restoran kebanggaanmu  
Bank, masjid dan toko gedung ilmu  
Tidak perlu lagi bersusah payah  
Jabatan Kerajaan pun tersergam indah

### IV

Kakitangan Kementerian Kebajikan Masyarakat memang seronok  
Disuruh pindah kata mereka tak syok  
Kerana toko dan restoran bertaburan  
Sekejap-sekejap menghilang tanpa pengetahuan

---

\* Dari *Majalah Berita Kebajikan*, Jld XVIII Mei-Ogos, 1989 m.s. 27.

V

Jalan Masjid India ramai pengunjungnya  
Khususnya mereka berketurunan India  
Jikalau dipandang sekali imbas  
Rasa-rasa berada di Madras

VI

Banyak orang tidak mengetahui  
Di sini terdapat serba serbi  
Bagi mereka yang sudah tahu  
Kunjungan mereka bertalu-talu

Kuala Lumpur,  
1.6.1989



## ALAM YANG INDAH

Dari sudut jendela  
Di angkasa  
Mataku berpesta  
Seperti muda-mudi berdansa.

Aduh! Betapa indah dan permainya pemandangan  
Bagaikan terapung-apung di kayangan  
Luas alam terbentang, terang benderang.

Kuterpesona dan tertawan  
Kecantikan alam, ciptaan Tuhan  
Dari celah kelompok-kelompok awan  
Yang putih berseri berkilauan  
Kelihatan sungai-sungai yang berliku-liku  
Umpama ular kena palu.

Kulihat bumi diselimuti tumbuh-tumbuhan  
Gunung-ganang tinggi menyapu awan  
Berwarna kebiru-biruan  
Hutan belantara bertaburan merata-rata  
Oh! Masih banyak yang belum diteroka  
Untuk kepentingan rakyat jelata.

Kelihatan juga sini dan sana  
Hutan belantara yang telah dinoda  
Oleh mereka yang gila harta  
Semata-mata kerana tamak dan haloba  
Keindahan alam diperkosa binasa.

Alam! Kau memang ajaib sekali  
Tanda kebesaran Ilahi  
Masih ada insan yang tidak bersyukur?  
Bersikap angkuh dan takbur  
Cubalah bertafakur.

Hidup tanpa alam  
Penuh dengan misteri  
Cahaya dunia padam  
Segala-galanya mati.

Kuala Lumpur  
14.6.1989

## DESA TERUS SUNYI

Aku salah sangka  
Pada mulanya lapang rasa dada  
Melihat alam semula jadi  
Masih terselamat dari noda.

Rupa-rupanya.....  
Angin pembangunan kencang bertiup  
Kepencilan desa tidak terasa lagi  
Corak hidup mula berubah  
Muda mudi mula berpaling tадah  
Jijik mahu turun ke sawah  
Semuanya berhijrah ke Kota  
Hanya tinggal yang tua-tua  
Menunggu masa.....

Kini sawah luas dijajahі menderung  
Suasana padi menguning tiada lagi  
Belia ketandusan minat  
Angkara 'industrial revolution'  
Semua berebut bekerja di kilang  
Mengidami hidup moden  
Hidup bebas tanpa larangan.

Desa terus sunyi  
Diselubungi sepi seperti mati  
Umpama dilanggar geruda  
Habis binasa  
Sedih nian rasanya hati  
Terdapat kemajuan  
Tetapi tidak bererti.

Ipoh, Perak  
16.10.1989.

## BIROKRASI KERAJAAN

- I Seperti berada di puncak gunung  
Kau disanjung tinggi oleh rakyat  
Menaruh harapan penuh  
Untuk membela nasib mereka  
Meminta dan meronta-ronta  
Ingin hidup bahagia  
Hasrat kerajaan juga sama  
Tetapi sikap kau bagaimana?
- II Seperti mobil di jalan raya  
Bilangan kau besar sekali  
Hampir satu juta  
Semuanya dibayar gaji  
Tetapi sayang ada yang bergaji buta  
Sanggup melihat rakyat menderita  
Mementingkan diri sendiri  
Hasrat rakyat dipandang sepi.
- III Kau pelaksana dasar Kerajaan  
Demi kebahagiaan dan kesejahteraan rakyat  
Tetapi sayang ramai yang masih ragu  
Dasar Kerajaan menjadi tak tentu  
Ada yang berpura-pura tak tahu  
Dasar hanya tinggal dasar  
Rakyat terus hidup terlantar  
Harapan mulai pudar.
- IV Kau pemegang amanah  
Hati perlu sentiasa bersih  
Persis kapas yang putih  
Penuh jujur dan ikhlas  
Sayangnya pernah juga berlaku  
Ada yang menyeleweng dan menipu  
Amalan rasuah menjadi lumrah  
Rakyat gelisah dan keluh kesah.

- V Pengurusan kompleks kau modenkan  
Teknologi komputer kau gunakan  
Kerajaan mahu kau cekap  
Sebaliknya kau banyak bercakap  
Etika Pekhidmatan Awam perlu dipatuhi  
Malahan dicontohi  
Harapan rakyat melambung tinggi  
Tetapi adakah kau benar-benar mematuhi?
- VI Birokrasi oh! Birokrasi  
Rakyat tidak semuanya benci  
Malahan ada yang disanjung tinggi  
Prestasi kau baik sekali  
Tetapi masih ada terdapat  
Mereka yang melambat-lambat  
Perlaksanaan dasar menjadi tersekat  
Penderitaan rakyat makin bertambah berat.

23.8.1989

## ANTARA AMRAN DENGAN BUSU\*

Di suatu pagi.

"Amran kau ponteng pejabatkah hari ini?", tegur Busu kepada rakan sekerjanya yang sama-sama bertugas di sebuah Jabatan Kerajaan di Bandar Kuantan. "Aku dah lambat ni, nanti kad perakam waktu merah pula. Ada apa-apa pesan kepada boss?" sambung Busu lagi, tergesa-gesa.

"Aku tak berapa sihatlah Busu, kepalaiku berat dan sendi-sendiku sengal rasanya. Biasanya kalau macam ini alamat nak dapat flulah," jawab Amran perlahan-lahan macam teruk sangat sakitnya sambil menarik selimut tebal bulu kambing ke mukanya seolah-olah seperti berada di Cameron Highlands sahaja nampaknya. "Tolong beritahu kat boss, Encik Hamid, ya, yang aku akan ke klinik sebentar lagi untuk mendapatkan M.C. dan jikalau tiada apa-apa akan bertugas semula sebaik sahaja kesihatanku pulih", sambung Amran lagi dengan serius sambil memusatkan perhatiannya kepada Busu yang sedang memakai baju 'bush-jacket' tergesa-gesa hendak ke pejabat.

"O.K.", balas Busu lalu bergopoh-gapah turun tangga kayu yang lebih dari separuh umur itu menghala ke halaman rumah sewanya di mana kereta Proton Saga berwarna merah menunggu. Kereta tersebut terus diterkam lalu dipandunya dengan laju seperti tiada esok lagi baginya. Dia berasa lega dan selesa sekali sewaktu memandunya. Sungguhpun kereta tersebut dibelinya 'second-hand' tetapi prestasinya tak ubah seperti kereta baru. Dia berasa puas sekali dan senyum sendirian memanjang.

Tiba di pejabat dia terus berlari-lari mengetik kad perakam waktunya. Hampir-hampir nak merah, kata hati kecilnya. Memang nasibnya baik pagi itu. Jikalau seminit lagi dia tiba alamat merahlah kadnya. Terpaksalah dia memberi penjelasan kepada Ketua Pejabatnya Encik Hamid kenapa kad perakam waktunya merah menyala.

Busu cukup takut kepada bosnya Encik Hamid itu. Perangainya sukar hendak diduga. Dia terlalu moody orangnya. Ada masanya baik sangat macam wali. Adakalanya masam sahaja, macam muka tak sudah. Jikalau moodnya seperti itu habis orang disergahnya macam harimau kelaparan. Tiap-tiap hari Busu berdoa supaya tidak dipanggil oleh Encik Hamid yang dianggapnya panas baran itu. Kadang-kadang berleter tidak berhenti-henti.

---

\* Dari Majalah Berita Kebajikan, Jld XIX Sep-Dis, 1989 m.s. 6-7.

“Mana Amran?”, bentak Encik Hamid kepada Busu yang tidak semena-mena berselisih di beranda pejabat, sebelum memasuki biliknya. Terperanjat Busu macam bertemu ular tedung sela. Berdebar-debar jantungnya kerana dia tidak menyangka sama sekali akan bertemu dengan bosnya pagi-pagi buta itu.

“Amran sakit tuan,” jelas Busu terketar-ketar macam orang demam kura. “Dia akan bertugas semula dalam sehari dua ini apabila sakitnya beransur baik” sambung Busu lagi.

“Budak jahanam!” melenting Encik Hamid, “sikit-sikit sakit, sikit-sikit sakit. Selalu sahaja sakit. Suruh buat kerja sakit. Macam mana negara ini nak maju jika lau ada Pegawai-pegawai Kerajaan macam ini. Tiada langsung semangat nak kerja,” Encik Hamid bersungut lalu berleter dan kemudiannya mengerah Busu balik ke biliknya. Lapang rasa hati Busu. Kerana Amran, tak fasal-fasal dia terima padahnya.

Amran memang pemalas orangnya. Sungguhpun mereka sama mula berkhidmat, tetapi dia masih tidak disahkan lagi dalam jawatannya. Dia telah diberi amaran bertulis oleh Encik Hamid. Andainya dia gagal sekali lagi dalam peperiksaan Jabatannya maka dia mungkin disingkirkan.

Sebaliknya Busu adalah seorang yang tekun dan rajin berusaha. Bezanya seperti langit dengan bumi. Dia mengambil berat dalam segala tugas dan tanggungjawab yang dipikulnya. Dia tidak pernah ponteng kerja kerana dia berpendirian itu adalah satu penyelewengan dan bertentangan dengan etika perkhidmatan awam. Pernah beberapa kali Amran dinasihatinya, tetapi tidak menelurkan sebarang hasil, ibarat mencurah air ke daun keladi sahaja. Dari awal lagi dia sudah dapat meneka bahawa suatu hari nanti Amran akan menerima padahnya kecuali dia bersedia menukar sikapnya mulai dari sekarang.

Di suatu malam yang sunyi sepi sebelum tidur di kamar mereka.

“Amran! kau masih tak insaf lagi? Kau sudah diberi amaran oleh Encik Hamid. Berusalahlah Amran jangan turutkan hati sangat. Kau masih muda dan oleh itu janganlah dipersia-siakan masa mudamu. Aku sedia membantumu, jika kau benar-benar memerlukan,” nasihat Busu seperti seorang kaunselor sahaja lagaknya kepada sahabatnya yang dikasihinya itu.

Amran memandang jauh ke hadapan. Dia sedang memikirkan sesuatu dengan serius. Barangkali dia sudah insaf bisik hati kecil Busu. Masih tidak terlambat kerana peluang masih ada.

Amran bangun perlahan-lahan. Berkerut-kerut dahinya. Seperti orang dalam kesusahan. Dia tidak memberi sebarang jawapan sehingga Busu gelisah dibuatnya. Busu membiarkannya sahaja begitu. Dia tidak memaksa.

Dia tahu satu hari nanti Amran akan berubah. Belakang pisau jika diasah lagi kan tajam, fikirnya.

Keesokkan harinya di pejabat.

“Busu,” tegur Amran secara tiba-tiba. “Aku berterima kasih kepadamu. Kau lah sahabatku yang sejati. Aku akan berazam mengubah sikapku mulai dari sekarang. Aku harap aku tidak terlambat, Busu,” sambungnya lagi dengan nada suara yang melambangkan kesedaran dan keinsafan.

Busu berasa lega. Doanya terkabul. Amran sudah berubah. Dia akan terselamat. Sekurang-kurangnya Kerajaan tidak kehilangan seorang pegawai yang berpotensi, kata hati kecilnya.

Di pejabat Encik Hamid sudah tidak berleter lagi.

## PEMBANGUNAN, BIROKRASI DAN PERUBAHAN\*

*"However – and this is my point – a change in the attitude of those who must confront the problem can work wonders. The Secret lies in making people think, from the very start, what can we do? instead of what can't we do and then striving doggedly to strip away one by one the constraints that have turned the possible into the seemingly impossible."*

*Kenichi Ohmae: The Mind of the Strategist*<sup>1</sup>

Semenjak mencapai kemerdekaan dari belenggu penjajahan Inggeris lebih kurang 27 tahun yang lalu, Kerajaan negara kita Malaysia telah melaksanakan berbagai-bagai projek pembangunan di seluruh pelusuk tanah air yang menelan belanja beratus-ratus ribu juta ringgit dengan tujuan untuk meninggikan taraf hidup rakyat khususnya mereka yang tinggal di luar bandar. Adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya seluruh rakyat dapat menikmati kebahagiaan hidup yang lebih sempurna melalui perlaksanaan projek-projek pembangunan tersebut. Bagi tahun 1983 sahaja Kerajaan telah membelanjakan hampir \$12,000 juta bagi projek-projek pembangunan di seluruh negara dan dari jumlah ini sebanyak \$73.2 juta adalah bagi sektor pembangunan sosial yang melibatkan peranan Kementerian Kebajikan Masyarakat sama ada secara langsung atau tidak langsung.<sup>2</sup> Oleh kerana Kerajaan berazam dengan bersungguh-sungguh untuk meninggikan taraf hidup rakyat terutama mereka dari golongan berpendapatan rendah, khususnya mereka yang tinggal di luar bandar, melalui projek-projek pembangunan yang dirancang dengan teliti di bawah Rancangan Pembangunan Luar Bandar (RPL.B),<sup>3</sup> maka adalah menjadi tugas serta tanggungjawab tiap-tiap anggota Kerajaan menyahut cabaran tersebut dan seterusnya berusaha menjayakan perlaksanaannya tanpa sebarang kegagalan. Ini bererti tiap-tiap scorang kakitangan yang

<sup>1</sup> KENICHI OHMAE: *The Mind of the Strategist – The Art of Japanese Business*, McGraw-Hill Inc., New York, USA, 1982, p. 88.

<sup>2</sup> Peruntukan Pembangunan yang sebenarnya diberi secara langsung kepada K.K.M. ialah \$9,800,320 (Sila rujuk ANGGARAN BELANJAWAN PROGRAM DAN PRESTASI, 1983). Anggaran Pembangunan yang berjumlah sebanyak \$73.2 juta ini adalah merupakan 0.6% sahaja daripada peruntukan pembangunan negara.

<sup>3</sup> Perkara ini akan dijelaskan lagi dalam m.s. 3 Kerras ini.

\* Kertas Kerja untuk Persidangan Pengarah Pengaroh Kebajikan Masyarakat di Kedah Merlin Inn, Alor Setar pada 5 – 6hb. Mac 1984.

terlibat bukan sahaja perlu mengetahui dengan mendalam tentang dasar pembangunan Kerajaan tetapi juga bersedia mengubah sikap yang kerapkali menjadi batu penghalang kepada kejayaan projek-projek tersebut.

Sewaktu negara kita di bawah pemerintahan penjajah dahulu, Kerajaan Inggeris hanya mementingkan pentadbiran yang berorientasikan "Law and Order"; dan ianya tidak sekali-kali berminat untuk merancang projek-projek pembangunan yang bertujuan bagi meninggikan taraf hidup rakyat yang tinggal di luar bandar. Akibatnya keadaan penghidupan rakyat di luar bandar pada ketika itu adalah amat menyedihkan sekali. Hidup mereka sentiasa diselubungi oleh kemiskinan serta dihingga pula oleh penyakit-penyakit yang kerapkali membawa kepada maut. Kadar kematian bayi di waktu itu adalah amat ketara sekali akibat dari kekurangan makanan-makanan yang berzat oleh ibu-ibu tatkala mengandung, sementara kemudahan berubat di rumah-rumah sakit tidak di sediakan sama sekali. Oleh itu, apabila kemerdekaan diperolehi dalam tahun 1957, Kerajaan yang baru tanpa berlengah-lengah lagi berazam membaiki masyarakat yang pincang ini dan dari situ lahirlah apa yang dipanggil konsep Rancangan Pembangunan Luar Bandar (RPLB) atau "Rural Development Programme."<sup>1</sup>

Untuk menjayakan RPLB ini Kerajaan telah mengatur beberapa strategi baharu baik dari segi perancangan ataupun dari segi operasi. Teknik-teknik seperti Buku Merah, dan Bilik Gerakan yang dikendalikan oleh sebuah Kementerian yang khusus diwujudkan bagi maksud tersebut iaitu Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu sendiri menjadi Menterinya yang bertanggung-jawab secara langsung telah digunakan bagi julung-julung kalinya dalam sistem pentadbiran negara. Selain daripada itu sikap pegawai-pegawai yang ditugaskan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan di bawah rancangan tersebut perlu juga diubah kerana pentadbiran yang berorientasikan "Law and Order" didapati tidak sesuai lagi dan sebagai gantinya pentadbiran a la pembangunan atau "Development Administration" perlu diwujudkan. Dalam hal ini, Milton J. Esman dalam

<sup>1</sup> Sebenarnya masalah utama yang dihadapi oleh negara Malaysia (sewaktu itu masih dipanggil Malaya atau Persekutuan Tanah Melayu) ialah pengganas-pengganas komunis sehingga menyebabkan keadaan darurat (Emergency) diisytiharkan. Keadaan ini berpanjangan sehingga Julai 1960, manakala keadaan darurat diisytiharkan tamat. Kerajaan telah hany dapat memusatkan perhatiannya secara menyeluruh kepada masalah pembangunan luar bandar selepas tamatnya darurat.

bukunya berjodol, "Administration & Development in Malaysia"<sup>1</sup> ada menulis:-

*"In most developing countries the increased and expanded roles of government have imposed new demands on administration. The image of the colonial administrator as the high-status keeping order and performing routine services by deploying instruments of authority toward a passive and compliant public, from whom he maintains an appropriate social distance, now appears archaic and dysfunctional. New role definitions and new intellectual and operational capabilities are required if administrators are to be effective political decision makers and program managers in the context of nation building and induced socioeconomic change."*

Mengenai tentang perlunya birokrasi atau pegawai-pegawai Kerajaan mengubah sikap, Y.A.B. Perdana Menteri Kedua Malaysia, Allah Yarham Tun Abdul Razak pernah berucap:-

*"Any Government, run under Colonial system tends to be merely custodian and carry out nothing but basic minimum administration with no sense of urgency for the sake of the Nation. In Malaysia because the Civil Service after independence was the same Civil Service which had served during the days of the Colonial dependence, the first thing which had to be done evolving a technique of development implementation was to bring about a change of attitude in the hearts and minds of every Government employee...."*<sup>2</sup>

Pentingnya pegawai-pegawai Kerajaan mengubah sikap mereka adalah merupakan satu syarat yang mutlak dalam menghadapi soal-soal pembangunan. Sewaktu hayatnya, Allah Yarham Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang kedua, yang juga digelar Bapa Pembangunan, sentiasa menegaskan perkara ini apabila berhadapan dengan pegawai-pegawai Kerajaan. Pada suatu ketika beliau pernah berkata:-

*"Our first task was to gear the machinery of Government towards development. Towards achieving quick and immediate results, we had to shed the shackles of Colonial thinking and Colonial methods. We had to make every department and every government servant oriented towards dynamic Development. We had to change their way of thinking,*

<sup>1</sup> MILTON J. ESMAN: *Administration and Development in Malaysia – Institution Building & Reform in a Plural Society*, Cornell University Press/Ithaca & London, 1972, pp. 3-4.

<sup>2</sup> J. VICTOR MORAIS: *STRATEGY FOR ACTION – The Selected Speeches of TUN HAJI ABDUL RAZAK*, Government Printer, 1969, p. 180.

*their attitude of mind and to pool all their energies and resources towards bringing about quick results in this field of Development.”<sup>1</sup>*

Sungguhpun projek-projek pembangunan fizikal yang dibebankan kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat tidaklah sebegitu besar dan hebat jika dibandingkan dengan Kementerian-Kementerian yang lain, namun proses pembangunan yang dialaminya adalah lebih kurang sama. Ini ialah kerana tiap-tiap projek pembangunan di Kementerian masing-masing memerlukan perancangan yang teliti oleh pegawai-pegawaiannya sebelum diluluskan oleh negara. Dalam masalah pembangunan, saya berpendapat bahawa apa yang penting ialah perlaksanaan projek-projeknya dan bukannya perancangan yang cantik di atas kertas semata-mata, sebagaimana yang lazimnya dilihat di kebanyakan Jabatan-jabatan Kerajaan hari ini. Dalam hal ini Kenichi Ohmae pernah berkata bahawa, “*no solution, however perfectly it may address the critical issue, can be of the slightest use until it is implemented,*”<sup>2</sup> Hakikat seperti ini tidaklah dapat dinafikan oleh sesiapa pun dan oleh itu perubahan sikap dari pegawai-pegawai yang terlibat adalah menjadi satu “prerequisite” dan bersama-sama dengan kertas ini ada saya sediakan satu rajah seperti dalam Rajah “A” yang menerangkan dengan sendirinya betapa sikap positif terhadap pembangunan adalah menjadi satu syarat mutlak yang perlu dititik beratkan oleh kita semua di Kementerian Kebajikan Masyarakat. Penjelasan lanjut mengenai Rajah ini akan diberi dalam Persidangan dengan Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat Negeri nanti.

Untuk mempastikan projek-projek pembangunan dilaksanakan dengan jayanya demi kepentingan rakyat, maka Kerajaan kita telah menggunakan strategi Buku Merah dan Bilik Gerakan di semua peringkat pentadbiran, sama ada di peringkat pusat, negeri dan daerah, sebagaimana yang telah dijelaskan terdahulu dari ini. Sungguhpun konsep Buku Merah telah tidak begitu digunakan lagi, tetapi sistem Bilik Gerakan masih terus dikenalkan sehingga hari ini. Umpamanya di Kementerian Kebajikan Masyarakat sendiri, kita ada sebuah Bilik Gerakan yang dilengkapkan dengan berbagai-bagi data pembangunan yang dikemaskinikan oleh Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kementerian dari semasa ke semasa. Semuanya ini adalah merupakan “innovation” atau idea-idea baharu yang melibatkan bukan sahaja jentera pentadbiran Kerajaan dari atas ke bawah tetapi juga sistem politik, sosial dan ekonomi negara. Hanya dengan adanya perubahan-perubahan radikal seumpama ini, maka barulah matlamat dasar

<sup>1</sup> J. VICTOR MORAIS: Ibid, p. 155.

<sup>2</sup> KENICHI OHMAE: Ibid, p. 21.

pembangunan Kerajaan, sebagaimana yang terkandung dalam Buku Merah dapat di capai iaitu:-

*"From Plans-One Aim-One Policy-One Plan-One Team-One Heart-To Results."*<sup>1</sup>

Bagi Kementerian Kebajikan Masyarakat, perubahan sikap sebagaimana yang ditegaskan oleh bekas Perdana Menteri kita itu adalah amat kena pada masa dan ketikanya memandangkan bahawa Kementerian ini sedang melangkah ke arah tanggungjawab yang berorientasikan kepada pembangunan sosial. Sebelum daripada ini Kementerian ini hanya menumpukan perhatiannya kepada tugas-tugas yang lebih bercorak "traditional", iaini tugas-tugas yang berupa "provision of relief" atau "alleviation of distress."<sup>2</sup> Di bawah konsep pembangunan sosial sebaliknya sungguhpun tugas-tugas cara lama masih juga dijalankan, tetapi ia adalah lebih bersifat "secondary" dan bukannya "primary". Di bawah ini saya perturunkan petikan dari Kertas Kerja Encik J.F.X. Paiva yang bertajuk "The Dynamics of Social Development And Social Work"<sup>3</sup> untuk menjelaskan maksud yang berkenaan:-

*"In Social Development the worker's primary role is to seek qualitative growth and to that extent the remedial task is secondary. The approach to individuals in community will be on the basis of how employment opportunities and services are contributing to the welfare of the family. The worker will be more interested in improving structural conditions so that work is a means to individual or family happiness and community welfare. He will want to help in the creation of new value systems so that marketing and production facilities are better geared to secure human needs and aspirations. If in the practice of social development he is drawn into remedial tasks, while it is important that he provides immediate relief, his main professional task will be to help in changing community conditions so that, for example, avenues to better employment are created and means provided for a fairer distribution of the benefits"*

<sup>1</sup> Mengenai konsep ini, Y.A.B. Tun Abdul Razak pernah berkata:

*"My vision of the development machine of Government as all of you know, is to turn Government officers, in every single department connected with development into an effective machine - ALL WORKING TOGETHER, WITH ONE HEART AND ONE MIND, focussed on ONE Single purpose - service to our people and loyalty to achieving our national aim of economic STABILITY and progress."*

<sup>2</sup> Ada setengah orang mensifarkan fungsi seperti ini sebagai "fire brigade".

<sup>3</sup> Kertas ini telah dibentangkan dalam Bengkel Pembangunan Sosial pada 5hb-7hb Julai 1982 di Penang Merlin, Pulau Pinang, anjuran Kementerian Kebajikan Masyarakat, Malaysia.

*of new or better forms of productivity. Therefore, social policy, community organization and direct services may be geared to development purposes, not to provide relief alone or to facilitate the provision of services but mainly to promote employment stability."*

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi tentang implikasi konsep pembangunan sosial ini, sila juga rujuk Rajah "B". Secara kebetulan satu "brainstorming session" telah diadakan juga di Kementerian pada 25.2.1984 di kalangan pegawai-pegawai kanan untuk mendapat kata sepakat dalam perkara yang sama, supaya perasaan ragu-ragu terhadap perlaksanaannya dapat dikikis sama sekali.

Oleh kerana cara pendekatan yang digunakan di bawah konsep pembangunan sosial adalah berlainan dari konsep tradisi yang diamalkan selama ini, maka pegawai-pegawai di Kementerian perlulah mengubahsuai sikap dan cara pemikirannya. Ini adalah amat penting sekali kerana jika tidak objektif yang dituju pasti tidak akan tercapai. Dalam hal ini pemikiran orang ramai juga perlu diubah atau diubahsuai kerana selama ini mereka menganggap bahawa tugas utama, Kementerian Kebajikan Masyarakat ialah hanya memberi bantuan kewangan tiap-tiap bulan kepada orang-orang yang dhaif secara individu semata-mata dan bukannya secara kelompok atau komuniti dengan memberikan tekanan penilaian kepada pembangunan kualitatif.

Di bawah konsep pembangunan sosial, strategi yang digunakan adalah melibatkan:-

- (i) pendekatan bersepadu (integrated approach)
- (ii) perubahan struktur serta institusi (structural & institutional change)

Melalui strategi ini, kita perlu juga memberi perhitungan kepada aspek "social environment" seperti institusi-institusi formal yang telah ada, keperluan orang ramai, nilai-nilai yang dianuti oleh mereka, sumber-sumber, keadaan ekonomi dsb. Diringkaskan sahaja kita perlu memberi pertimbangan kepada keutamaan-keutamaan orang ramai dan keadaan sebenar sistem sosio-ekonomi dan juga sistem sisio-politik serta perjalananannya. Ini bererti kita perlu berkerjasama dengan agensi-agensi pembangunan yang lain seperti KEMAS, LPKN dsbnya kerana objektif-objektif yang dituju oleh mereka adalah juga hampir-hampir sama.<sup>1</sup> Tanpa

<sup>1</sup> Di bawah Perkhidmatan Perkembangan Sosial, K.K.M. aktiviti-aktiviti yang terlibat ialah:-

- |                                   |                                       |
|-----------------------------------|---------------------------------------|
| (a) Organisasi Komuniti           | (f) "Advocacy" bagi gulungan tertentu |
| (b) Pendidikan Sosial             | (g) Pertubuhan Sukarela               |
| (c) Kemajuan Wanita               | (h) Asuhan Kanak-kanak                |
| (d) Pemasaran & Pusat Pengeluaran | (i) Kepenggunaan atau "Consumerism"   |
| (e) Perusahaan Kecil              |                                       |

persefahaman dan kerjasama yang erat di antara agensi-agensi yang berkenaan, akibatnya pasti akan menjelaskan kelincinan perlaksanaan projek-projek pembangunan sosial Kementerian kita.

Perubahan struktur serta institusi dalam suasana "social environment" adalah tidak kurang juga pentingnya. Pegawai-pegawai perlu memahami hakikat ini sebelum cuba melaksanakan projek pembangunan sosial secara besar-besaran. Pengalaman menunjukkan jika sikap atau pemikiran orang ramai tidak diubah atau diubahsuai terlebih dahulu, maka besar kemungkinan mereka ini akan menjadi batu penghalang. Oleh itu sebelum sesuatu projek pembangunan sosial dilaksanakan di sesuatu tempat, pegawai-pegawai perlulah menjual idea kepada pemimpin-pemimpin tempatan terlebih dahulu dan di sini sifat kepimpinan yang sesuai perlulah kita miliki yang juga boleh dianggap sebagai satu "prerequisite" kepada kejayaan projek ini. Selepas mereka menunjukkan minat dan kecenderungannya maka baharulah boleh kita menunjuk contoh-contoh bagaimana sesuatu program itu boleh dijalankan dengan cara melibatkan penyertaan mereka sendiri dan kita hanya memberi pimpinan dan tunjuk ajar sahaja, itupun jika difikirkan amat perlu.

Sebagai kesimpulan, di bawah konsep pembangunan sosial, "*priority should consequently be given to mass programmes to improve living standards of communities involving self-help and citizens participation. There should be less concentration on individual services and more upon policy and practice in the development of social resources in the community. Social Welfare Services should henceforth be considered under two main components, the "traditional" programmes embodying essentially remedial services and a constructive social work role in implementing the community development approach to programmes of national development.*"<sup>1</sup>

Sungguhpun pada hakikatnya telah pun ada beberapa projek pembangunan sosial yang dijalankan di peringkat negeri oleh Pengarah-pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri, tetapi konsep yang digunakan masih berpegang kepada pendekatan "traditional." Pada pendapat saya, setakat ini hanya projek Wanita Dalam Pembangunan di Temoh, Perak yang benar-benar merupakan projek pembangunan sosial. Projek ini masih di peringkat perintis tetapi ada tanda-tanda menunjukkan bahawa

<sup>1</sup> Professor Madya (Dr.) C.E.R. Abraham: *The Role of Social Work in Social Development - what are the prospects for the 1980's?*

Kertas Kerja ini telah dibentangkan dalam Bengkel Pembangunan Sosial yang sama di Pulau Pinang.

ia akan mencapai kejayaan sebagaimana yang dirancangkan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat.<sup>2</sup>


#### Bahan-bahan Rujukan:

1. KENICHI OHMAE: *The Mind of Strategist – The Art of Japanese Business*, Mc Graw-Hill Inc., New York, U.S.A., 1982.
2. MILTON J. ESMAN: *Administration and Development in Malaysia – Institution Building of Reform in a Plural Society*, Cornell University Press/Ithaca & London, 1972.
3. J. VICTOR MORAIS: *STRATEGY FOR ACTION - The Selected Speeches of TUN HAJI ABDUL RAZAK*, Government Printer, 1969.
4. Ringkasan Maklumat Mengenai Peranan Kementerian Kebajikan Am – 10.11.1982.
5. Laporan Bengkel Pembangunan Sosial 5hb – 7hb Julai, 1982 di Penang Merlin, Pulau Pinang.

---

<sup>2</sup> Setakat ini K.K.M. belum lagi membiayai projek ini. Semua perbelanjaan adalah diperolehi dari ASEAN/AUSTRALIAN FUND.

## DEVELOPMENT, BUREAUCRACY AND CHANGE



## EXTRACT FROM "THE DYNAMICS OF SOCIAL DEVELOPMENT AND SOCIAL WORK"

by J.F.X. Paiva

The practice dimensions of social welfare in relation to social development, their focus and professional implications

Practice Dimensions	Primary Focus	Secondary Focus	Knowledge Implications	Skill Implications
Traditional social welfare	The alleviation of distress	Promotion of general well-being of those affected	Social pathology dysfunctions in society Sources and means to provide relief	Provision of relief and support to maintain at least minimal levels necessary for decent existence at human beings.
Development perspective in social welfare or social work	Facilitating processes and structures towards qualitative growth through the alleviation of distress in individuals, groups or communities	Alleviation of distress	Knowledge of pathological conditions facilitating processes, and structures relevant for promoting qualitative growth	Analysis, understanding and use of processes and structures for facilitating linkages between remedial and movement from preventive to developmental.
Social development	Qualitative growth of individuals, groups and communities. The altering of structures and institutions or the creating of new ones more responsive to people's needs and for more equitable access to opportunities and resources.	Remedial and preventive measures as phases towards primary focus	Knowledge of human behaviour and societal conditions conducive to qualitative growth. Knowledge of adverse conditions and obstacles to societal development	Negotiating new value systems. The use of an integrated approach for systemic and balanced functioning. The inter-disciplinary inter-sectoral or inter-professional approach for development problem-solving.

## NASIB

(Ditujukan kepada semua  
Doktor dan jururawat dll  
Di Ward Bedah 14, Hospital Besar,  
Kuala Lumpur)

- I Selama 14 hari aku terlantar  
Di Hospital Besar Kuala Lumpur  
Dikatakan kena penyakit 'duodenal ulcer'  
Hampir-hampir nyawa tercabut keluar.
- II Selama 14 hari aku dirawat  
Oleh para doktor dan jururawat  
Semuanya bertungkus-lumus dengan giat  
Sehingga penyakitku tidak melarat.
- III Jururawat semuanya manis-manis belaka  
Tidak pernah bermasam muka  
Baik malam ataupun siang  
Mereka sentiasa senyum dan riang.
- IV Doktor berusaha bersungguh-sungguh  
Pagi, petang hingga ke subuh  
Melihat wajahku pucat lesi  
Seperti orang akan hampir mati.

- V      'Haemoglobin level' terlalu rendah  
Sebanyak 10 pints darah dimasuk sudah  
Keadaanku masih membimbangkan  
Doktor Bedah mengesyorkan pembedahan.
- VI     Hampir-hampir aku dibedah  
Ke 'Operation Theatre' dimasuki sudah  
Selepas dijalankan endioscopy  
Lelehan darah didapati berhenti.
- VII    Memang nasibku baik sekali  
Terlepas dari bahaya gastrectomy  
Semua doktor-doktor bedah hanya menanti  
Dari arahan Madam Leela yang baik hati.
- VIII   Akhirnya aku beransur-ansur sembuh  
Berkat doa dan restu yang menyeluruh  
Para doktor dan jururawat terus berusaha  
Jasa baik mereka tak mungkin dilupa.
- IX     Kepada semua yang bersusah payah  
Memberi khidmat tak kenal penat lelah  
Kuucapkan terima kasih tidak terhingga  
Allah sahajalah yang dapat membalasnya.

Kuala Lumpur  
9.8.1989



## A GOOD FEAT

Dedicated To Madam Leela  
(Chief Surgeon G. H. KL)

I      As if a model, brightly attired  
Either in green, maroon or red  
She whirls into my chambers  
Like a peacock preening her feathers  
Escorted by a crew of Medical Officers  
And timid nurses  
All rapt at attention  
Waiting for her orders.

II      Jolted from my slumber I brave myself to arise  
Sending her greetings, hoping she'll be pleased  
She snapped, "How're you to-day?"  
I replied, "everything seems to be O.K."  
Glancing at my personal ticket  
Like reading the score of a game of cricket  
She passes on new command  
Praying in my heart it was not a reprimand.

III Like a monarch, she surveys at me clinically  
Asking questions in between critically  
If everything seems to satisfy her  
Off she goes to another patient speedily  
The junior medical staff are all scared of her  
Perhaps because of her autocratic behaviour  
But to me she performs a good feat  
Fully recovered, I'm now back up on my feet.

22.7.1989

## FRUST

- (a) Oh! Pedih nian rasanya kalbu  
Melihat rakan sejawat satu demi satu  
Melangkau ke atas  
Terlalu deras  
Yang lebih senior naik frust.
- (b) Sayunya hati tidak terkira  
Hiba, hampa dan kecawa  
Lembaga naik pangkat berpura-pura  
Tak tahu-menahu  
Bersikap bisu dan kelu
- (c) Jelas diskriminasi menjadi amalan  
Kepada yang teraniaya sungguh terkilan  
Apa yang kurang kepada kami  
Diketepikan seperti hampa padi  
Tidak berisi.
- (d) Apa sebenarnya kelebihan mereka  
Naik menjunam seperti sky-scaper  
Di mana terletaknya keadilan  
Apakah sebenarnya criterion



- (c) Apakah erti semuanya ini  
Sehingga terbalik prinsip 'seniority'  
Keadilan ditolak ke tepi  
Seolah-olah hidup tidak berguna lagi  
Mati.

24.6.1989

## KEJAYAAN TIGA KALI BERTURUT-TURUT

I

Kementerian Kebajikan Masyarakat  
Banyak orang mencurigai  
Kebolehanmu  
Kadang-kadang kau diejek-cjek  
'Kementerian Kecil'  
'Tidak penting'  
Cemuhan demi cemuhan  
Aktiviti-aktiviti kau dipandang ringan  
Sudah nasib permintaan badan.

Keupayaanmu sekarang jelas terbukti  
Perbarisan Hari Kebangsaan kau juarai  
Bukan sekali  
Tetapi Tiga Tahun berturut-turut  
1987, 1988 dan 1989  
Apakah erti semuanya ini  
Bukankah ini keunggulan?  
Bukankah ini kewibawaan?



II

Ketua Setiausaha

Selaku pemimpin kerdil  
Telahku buktikan keupayaanku  
Yang unggul dan cemerlang  
Tetapi sayang seribu kali sayang  
Pihak Atasan masih sepi  
Kenaikan pangkatku ditolak ke tepi  
Seolah-olah ada diskriminasi  
Seperti dianak tiri.

Sedih nian rasanya kalbu  
Melihat sikap mereka yang membisu  
Jikalau keadaan masih demikian  
Satu hari nanti akan dirasai  
Pembalasan Tuhan  
Tidakkah mereka takut kepadaNYA?  
Menganiayai seorang  
Hamba Allah yang tidak berdosa?

3.9.1989.

## PERSARAAN\*

### I

Akhirnya masa yang ditunggu-tunggu telah tiba  
aku akan bersara  
Oh! Alangkah tangkasnya  
Masa berlalu  
Rasanya baharu kelmarin dahulu  
Rupa-rupanya tiga dekad sudah ditelan waktu.

### II

Lima puluh lima, Oh! Lima puluh lima  
Kenapa kau dipilih usia wajib persaraan?  
Tidakkah kau lihat aku masih berpotensi  
Rela menabur jasa dan bakti  
Sehingga mati.

### III

Selama tiga dekad aku berkhidmat  
di mana sahaja tidak kira tempat  
Kepada negara, bangsa dan rakyat  
Khidmat dicurah dengan penuh taat  
Tidak mengerti lelah dan penat.



\* Dari *Majalah Berita Kebajikan*, Jld XVIII Mei-Ogos, 1989 m.s. 24.

#### IV

Bukan penghargaan yang kucari  
Bukan pangkat yang kulobi  
Khidmatku semata-mata kerana Allah  
KepadaNYA kutetap berserah  
Kankah ini sebenar-benar amal jariah?

#### V

Hanya ingin kusarankan  
Berdasarkan kepada kemahiran dan pengalaman  
Usia 55 tahun agak masih muda  
Untuk dipersarakan begitu sahaja  
Tanpa diberi pertimbangan semula.

#### VI

Kepada Pihak Berkuasa kuberhasrat  
Renunglah sejenak ke timur dan barat  
Umur persaraan sudah meningkat  
Kerana zaman sudah berubah  
Sanggupkah mata ditutup sebelah?

#### VII

Oh! Alangkah ruginya sumber tenaga manusia  
Disisihkan dari pembangunan negara  
Kononnya umur menjangkau tua  
Tenagamu tidak lagi berharga  
Demikianlah nasib Pegawai Bersara!

25.5.1989

## KENAPA TIBA-TIBA AKU DIBENCI

Aku tidak mengerti  
Tiba-tiba aku dibenci  
Apa kesalahanku  
Siapa yang memfitnahmu.

Sekian lama kita beramah mesra  
Tidak pernah bermasam muka  
Mungkin ada yang iri hati  
Perhubungan kita baik sekali.

Mula-mulanya kutidak percaya  
Rumahmu tetap kukunjungi jua  
Sehingga berlaku satu peristiwa  
Tatkala kusampai kau paling muka.



Sedih hatiku tidak tertahan  
Memikirkan apa salahku gerangan  
Pasti sudah ini fitnah  
Lain bengkak lain menanah.

Aku cuba berbaik-baik jua  
Tidakkan putus air dicincang  
Tetapi nyata usahaku sia-sia belaka  
Sehingga akhir hayat kau menentang

Kuala Lumpur  
11.12.1989.

## KHALWAT

### I

Dahulu berlaku peristiwa  
Antara teruna dan dara  
Sering memadu asmara  
Di mana-mana sahaja  
Tanpa gangguan dan ugutan  
Asalkan tidak keterlaluan.

### II

Teruna dan dara masih bergaul bebas  
Tetapi nyata kini sudah terbatas  
Dahulu duduk berdua-duaan di tempat sunyi  
Sekarang sudah tidak terdapat lagi  
Perbuatan seperti ini dikatakan berkhalwat  
Kerja maksiat  
Dikutuk, dilaknat dan mungkin disebat.

### III

Kini zaman penghayatan agama  
Pengajaran Islam diberi utama  
Majlis Agama Islam di tiap-tiap negeri  
Melaksanakan undang-undangnya dengan rapi  
Pegawai Khalwat aktif sekali  
Mereka yang ditangkap mendapat publisiti  
Berita disiarkan meluas ke seluruh negeri.

IV

Teruna dara berasa resah  
Takut terkena tangkap basah  
Publisiti meluas mereka tentang  
Pegawai Khalwat berlaku curang  
Orang kenamaan selalu terlepas  
Kenapa diamal diskriminasi  
Apakah mereka tidak akan diadili.

V

Agama Islam agama suci  
Segala ajarannya perlu dihayati  
Perbuatan maksiat jauhkan sama sekali  
Suruhan Allah mesti ditetapi  
Teruna dara diingatkan  
Jauhkan dari tinggal berdua-duaan  
Semoga tidak terseret ke muka pengadilan.

10.7.1989

## PEMBALASAN TUHAN

Tak usahlah ku diratapi  
Tak usahlah ku ditangisi  
Tak usahlah ku disebut-sebut lagi  
Kerana aku akan tetap pergi  
Menghadapi Ilahi.

Lama nian aku derita  
Penyakit AIDS punya angkara  
Sakitnya seperti di dalam neraka.

Kutahu ini pembalasan Tuhan  
SuruhanNYA lalai kutunaikan  
Semuanya ini Takdir Tuhan  
Semoga dapat menjadi teladan.

Biarlah aku terus menderita  
Biarlah aku terus diseksa  
Mungkin demikian terhapus dosa  
Menghadapi ujian paling ketara.

Tak ingin ku diratapi  
Tak ingin ku ditangisi  
Tak perlu kepada simpati  
Biarkan aku pergi sendiri  
Ke hadrat Ilahi.

27.5.1989.



## INSAN MUNKAR

(Mangsa AIDS)

I

Allah ciptakan kau  
Makhluk yang paling mulia  
Untuk memperhambakan  
Diri kepadaNYA  
Berbuat kebajikan  
Banyakkan amalan  
Jauhkan maksiat yang dilarang lagi dilaknat.

II

Kenapa kau gampang lupa  
Nasihat agama kau sia-sia  
Malah kau perolok dan persenda  
Kau tepuk dada  
Masa mudamu hanya sekali sahaja  
Persis iman kau tipis  
Gampang digoda iblis  
Akibatnya kau akan dihiris.



### III

Kenapa kau turutkan hati  
Ke Haadyai pergi berjoli  
Dengan rakan-rakan syaitan  
Berfoya-foya di syorga dunia  
Gembira hati tidak terkira  
Terlupa yang kau terjerat  
Kuman-kuman AIDS sudah melekat  
Akhir hayat hampir dekat.

### IV

Apa yang disesalkan lagi  
Kehendak hati kau turuti  
Tidak ada gunanya tangisan  
Sekarang rasakanlah sendirian  
Angkara perbuatan mungkar jahanam  
Rakan syaitan yang direjam  
Hanya bertaubat sahaja  
Moga-moga Allah terima.

Sibu, Sarawak  
11.9.1989.

## GELOMBANG HIDUP

### I

Pernahkah kau fikirkan  
Wahai insan  
Hidup laksana pasang surut  
Ada kalanya  
Dilambung ombak bahagia  
Ada kalanya  
Terhumban jauh  
Di lubuk arus gelora

### II

Wahai insan  
Kau perlu berani  
Menghadapi  
Kerana  
Dunia penuh cabaran  
Perjuangan  
Dan pancaroba

### III

Mereka yang berada  
Di puncak gunung  
Berjaya meniti  
Selangkah demi selangkah  
Dengan berani  
Dan ketabahan hati  
Pantang putus asa  
Jatuh bangun semula.

### IV

Wahai insan  
Kuatkan keazaman mu  
Tegakkan perjuangan mu  
Pantang mati sebelum ajal  
Kankah kita anak Malaysia Jati?

Kuala Terengganu  
3.4.1990.

## MEREKA YANG TERSISIH.....

Jangan kau menyesal  
Jangan kau sedih  
Jangan kau merintih  
Jangan kau terlalu menaruh harapan  
Kepada pertolongan dan bantuan  
Tanpa usaha dan ikhtiar sendirian.

Cekalkan hatimu  
Kuatkan azammu  
Perangi emosimu  
Buktikan keupayaan dan kebolchanmu  
Jangan jemu  
dan lugu.

Tidak semua manusia berjaya  
Tidak semua hidupnya gembira  
Tidak semestinya kau mudah menyerah  
Mengaku kalah  
Dalam perjuangan hidup  
Yang berliku-liku.

Berjuang terus berjuang  
Hadapi masa depanmu dengan tenang  
Bantuan pasti akan datang  
Jikalau kau tak putus harapan  
Mengubah nasibmu sendiri  
Sebagaimana dikehendaki Ilahi.

Banyak yang sanggup membantuimu,  
Sungguhpun ada berhati batu  
Ramai yang sanggup membela nasibmu  
Kerana hati mereka mulia dan murni  
Berbudi pekerti  
Berbudaya ikram.

Jangan kau mudah putus asa  
Jangan kau mudah kecewa  
Tenangkan fikiranmu  
Kuatkan imanmu  
Percayalah kepada dirimu  
Kau tetap akan berjaya dan bahagia.

5.6.1989

## PESANAN KEPADA PEGAWAI KEBAJIKAN MASYARAKAT

### I

Tugasmu sebenarnya mencabar  
Menghadapi masalah kebajikan manusia  
Tetapi kau mestilah sanggup bersabar  
Dan mempunyai hati mulia  
Jika ingin menjadi  
Seorang pegawai yang benar-benar dihormati.

### II

Ayuh! Lengkapkan diri dengan ilmu  
Kaji satu-satu kes jangan terburu-buru  
Teliti dan perhalusi  
Malah terperinci  
Mereka yang perlukan bantuan  
Jangan dilengah-lengahkan.

### III

Jangan peduli cemuhan orang  
Sebaliknya jadikan peransang  
Kerja kau sungguh mulia  
Mengasuh, memulih, memelihara  
Kanak-kanak, orang cacat, miskin dan papa  
Nasib mereka perlu dibela  
Sepanjang masa dan ketika.

### IV

Banyak orang masih jahil  
Kerjamu mulia mereka tidak terfikir  
Yang pekak, bisu dan buta  
Juga yang mengalami cacat anggota  
Mereka dipandang hina  
Tetapi kau pulihkan mereka  
Sehingga menjadi insan yang berjaya.

V

Jangan pentingkan pangkat dan darjah  
Kelak tidak beroleh berkat  
Niat hati kerana Allah semata-mata  
Tak sepatutnya berasa hampa  
Atau kecewa  
Jika yang diidamkan tidak tiba  
Serahkan kepada Yang Maha Berkuasa.

Kuala Lumpur

17.6.1989



## WARGA TUA

Tinggal sebatang kara.....  
Di Rumah Seri Kenangan

Aku duduk termenung  
Di tepi jendela  
Memandang jauh ke hadapan  
Terkenang kembali masa silam  
di antara bahagia dan duka

Mereka sudah melupakan jasaku.....  
Hidup bagai yatim piatu

Di waktu kecil  
Aku asuh dan didik mereka  
Penuh azab sengsara  
Tanpa bantuan sesiapa  
Sehingga menjadi manusia

Kini mereka sudah besar dan dewasa  
Masing-masing telah berumahtangga  
Hidup mewah  
Serba serbinya indah  
Tetapi aku disisihkan  
Kononnya nyanyuk dan  
Menjadi beban

Kenapa manusia jadi begini  
Mudah melupakan jasa dan bakti  
Tidak mengenang budi

Mungkin mereka terlupa  
Kelak menjadi warga tua jua  
Nasib yang sama  
Akan juga menimpa.

9.6.1989

## CARING SOCIETY

Hush! They say there's no glamour  
Working in the Ministry of Social Welfare  
But surely one shouldn't look at life that way  
When so many are desperate of our care.

The disabled, the unfortunate and the aged,  
Just to mention a few  
All aspire for a better quality of life  
Shouldn't they deserve a fair deal too?

The fortunate should deem it a duty  
Spare more thought and care for the needy  
For to-day it could be their lot  
What will happen tomorrow we know not.

So let's all pledge to be charitable  
Make their lives gay and happy  
Surely we're no that invulnerable  
And alas! How regretful it would be!

Come on! No matter where we are  
Let's develop the spirits of care  
Shouldn't this become part of our culture  
Build Malaysia a happy, glorious and  
chivalrous future.

Alor Setar,  
16.6.1989.



## SENIOR CITIZEN

Retired at 55 they dub us Senior Citizen  
Though to us life has hardly begun  
We never give a thought to retire  
Because we're as fit as a fiddle, to be sure.

As we look back with sense of pride  
Watching the nation grow in prosperity  
Our success in rural development shines worldwide  
A model for the others to see.

Though retired, many years are still ahead of us  
In our hearts to serve the nation is a must  
We're still strong and perfectly healthy  
Come on! Enjoy life and be merry.

Alas! We've been shunned by our children  
Who thought that we're quite a burden  
Left practically on our own  
We have company and never feel alone.

Ah! Forget the age, forget the despair  
We're by no means far from finished  
So let's all join hands and endeavour  
To see our mission accomplished.

We hope the Government gives due consideration  
Providing us with necessary amenities  
As our number grow in arithmetic progression  
Bless our souls, we need such services.

22.6.1989

## MEREKA SUDAH DILUPAI

Di suatu petang yang aman tenteram terdengar dua orang penghuni Rumah Seri Kenangan, Cheras berbual-bual dengan penuh kemesraan sambil merenung jauh ke hadapan melalui jendela bangunan di mana mereka sedang berehat dan menyedut udara bersih.

"Ramli! Kuperhatikan kau dua tiga hari kebelakangan ini selalu sahaja termenung dan bersendirian, kenapa?" kejut Osman kepada rakan sebiliknya yang berbadan kecil. Mereka berdua ini sangat ikrab persahabatannya seperti isi dengan kuku. Di mana ada Ramli, di situ ada Osman.

"Hatiku remuk Man. Macam mana tak remuk! Biasanya anakku Mimi datang menjengukku sebulan sekali tetapi sekarang tak usahkan sebulan sekali, setahun sekalipun batang hidungnya tak nampak," jawap Ramli dengan suara yang sayu seolah-olah belas sekali dengan penderitaan jiwa yang dialaminya itu.

Ramli ini terlalu peka atau sensitif orangnya. Mudah sangat air matanya mengalir. Tak dapat ditahan-tahannya seperti air hujan turun. Puas Osman memujuknya supaya bersabar kerana kata pujangga sabar itu istana iman, tetapi Ramli sukar menyimpan rahsia hatinya. Hatinya sudah remuk redam. Kesabarannya sudah hilang ekoran dari kekejaman anaknya yang tidak berhati perut itu. Sampai hati berkata hati kecilnya, Mimi tergamak melukakan hatinya yang kini sudah hancur berkecaci. Malang sungguh nasib Ramli kerana dia tidak dapat mengecap kasih sayang anaknya sebagaimana dinikmati oleh orang-orang lain.

Mimi adalah satu-satunya anak Ramli yang amat dikasihinya. Sewaktu kecilnya Mimi diasuh dan dididik dengan sempurna sehingga ia berjaya masuk ke Universiti. Isteri Ramli bernama Ramlah meninggal dunia waktu Mimi masih kecil lagi. Ramli sanggup berkorban jiwa dan raganya kerana tersangat kasihkan anaknya itu. Berlainan dengan resmi orang lain, dia tetap tinggal membujang kerana tidak sanggup melihat Mimi dan anak-anaknya yang lain diibu tirikan. Bagi Ramli, kebijakan dan masa depan anak-anaknya adalah lebih penting dari segala-galanya. Sukar mencari seorang bapa yang benar-benar bertanggungjawab seperti Ramli ini. Kasihnya kepada anak-anaknya seumpama nabi kasihkan umatnya.

Sebelum mendirikan rumah tangga dengan suaminya Rastam, Mimi memangnya tinggal serumah dengan bapanya. Dia amat terhutang budi dengan bapanya yang telah banyak berkorban untuk menjadikannya seorang insan yang berjaya. Mimi tidak mahu dianggap sebagai seorang

anak yang tidak mengenang budi. Ini adalah bertentangan dengan kebudayaan dan tatasusila orang timur bisik hati kecilnya. Selagi hayat dikandung badan, dia tetap akan menjaga bapanya yang kini sudah menjangkau umur lingkungan enam puluhan.

"Ayah! Mimi mahu tinggal bersama-sama dengan ayah apabila Mimi bekerja nanti," ujar Mimi kepada ayahnya pada suatu hari selepas sarapan pagi. "Mimi banyak terhutang budi kepada ayah dan sekarang tibalah masanya bagi Mimi membala budi ayah itu," tegas Mimi kepada ayahnya yang semenjak tua ini uzur sedikit kerana matanya rabun dan telinganya berat pula.

"Terpulang kepada kaulah Mimi," jawab ayahnya yang berasa lega apabila mengetahui anaknya tidak melupai segala jasa dan bakti yang dicurahkannya selama ini. Bertuah, fikir hati kecilnya, yang ia memiliki seorang anak seperti Mimi kerana kebelakangan ini banyak berlaku peristiwa-peristiwa di mana generasi muda mudah sangat melupakan bahkan mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap golongan tua. Aliran seperti ini jika tidak dibendung awal-awal lagi oleh Kerajaan pasti akan mencapai tahap yang membimbangkan dan ini akan merugikan negara, fikir hati kecilnya lagi.

"Baguslah tu nak," sambung ayahnya lagi, "Kerana ayah ini tidak boleh mengharapkan belas kasihan orang lain lagi jika tidak kau. Anak-anak yang lain tak boleh diharap sangat. Cuma ayah harap Mimi tidak berubah fikiran apabila berumahtangga nanti kerana maklum sahajalah. Anak sungai lagi berubah inikan pula hati manusia," Ramli mengusik hati anaknya yang dikesihinya itu.

Keluar dari universiti, Mimi berjaya mendapat jawatan yang agak lumayan dan terus berkahwin dengan jejaka pujaan hatinya bernama Rastam. Pada mulanya Rastam bersikap hati mulia kepada bapa mertuanya, tetapi lama kelamaan perangainya mula berubah. Jikalau dahulu ia seorang periang dan mudah bermesra, sekarang dia menjadi seorang pendiam dan bapa mertuanya tidak ditegur sapanya lagi. Selalu sahaja dia mengeluarkan perkataan-perkataan yang pedas dan mengecilkan hati orang tua itu. Kadang-kadang orang tua itu tidak diperendahkannya langsung dibuatnya seperti tunggul sahaja.

"Mimi," ujar Ramli pada satu hari, "Ayah fikir eloklah ayah ditempatkan di Rumah Orang Tua sahaja, kerana ayah tak sanggup hidup menyusahkan kau. Ayah sudah uzur dan kau pula sibuk dan jarang sekali berada di rumah melayan ayah," sambung Ramli lagi kepada anaknya dengan perasaan sayu lagi sedih.

"Kenapa ayah bercakap macam itu," sahut Mimi pula dengan perasaan terkejut. "Jikalau orang lain boleh Mimi pelihara, kenapa tidak pula ayah," sambungnya lagi sebagai tidak mempercayai apa yang diluahkan dari dada ayahnya itu.

"Tidaklah, kuperhatikan suami kau buat endah tak endah sahaja kepada aku. Aku dibuatnya seperti tunggul sahaja. Mentang-mentanglah aku ini sudah tua dan uzur pula, janganlah anggap aku seperti sampah," rintih Ramli kepada anaknya Mimi.

Mimi terkejut lalu terus masuk ke bilik tidurnya untuk bersemuka dengan suaminya kerana sangkanya dia ada di situ. Perasaan marah terhadap suaminya tidak dapat dikawalnya lagi. Seperti gajah turun minyak. Rastam ini sudah melampau hati kecilnya berkata, dahulu sebelum berkahwin dengan aku, dia berjanji menurut semua kemahuanku. Sekarang, lain di bibir lain di hati, bisik hati kecilnya lagi.

Nasib baik Rastam tiada dalam bilik. Jikalau ada, mungkin berlaku satu pertengkaran yang hebat di antara keduanya. Bagi Mimi sakit hatinya bukan alang kepala. Dia sungguh geram kepada Rastam. Sebagai orang muda, adalah menjadi tugas suaminya untuk menghormati orang tua, lebih-lebih lagi jika orang tua itu bapa mertuanya sendiri. Mimi tidak sekali-kali menyangka yang Rastam boleh bersikap demikian, kerana setahuanya, ibu bapa Rastam pun sudah tua juga dan dia sebagai isteri Rastam tetap menghormati mereka seperti juga dengan orang-orang lain tidak kira siapa. Mimi sungguh sedih dan terfikir dalam hatinya bahawa Kerajaan perlu berbuat sesuatu untuk mengatasi aliran yang akan merugikan budaya dan corak hidup masyarakat moden ini. Sebaik-baiknya kata hati kecilnya lagi, proses pendidikan ini perlu bermula dari sekolah lagi tatkala anak-anak itu masih kecil lagi seperti rebung. Jikalau hendak tunggu hingga menjadi aur, tugas yang berat ini sukar mencapai kejayaan.

Malam itu apabila Rastam balik dan makan malam bersama-sama dengannya, Mimi bertanya suaminya secara terus terang sama ada dia benar-benar tidak mengendahkan bapanya. Mula-mulanya Rastam terpegun, seperti terjerempak ular di tengah jalan, tetapi selepas didesak oleh Mimi dia mengalah lalu memberi buah fikirannya dengan jujur.

"Sebenarnya bukan aku berniat tidak menghormati ayah kau," Rastam berterus terang kepada Mimi, "tetapi aku rasa, oleh kerana kita jarang-jarang ada di rumah, sibuk dengan tugas masing-masing, ada baiknya ayah kau dimasukkan ke dalam Rumah Orang Tua di mana dia boleh diberi layanan sepenuh masa," sambung Rastam. "Kata orang, kepentingan warga tua tetap terpelihara jika berada di institusi seumpama itu," sambung Rastam lagi. "Sekarang sudahpun ada Rumah Orang Tua yang selesa yang

dikendalikan oleh pihak swasta, jadi terpulanglah kepada kita untuk memikirkan bersama," ujar Rastam lagi.

Mimi membisu. Fikirannya melayang jauh. Sebenarnya dia tidak sampai hati untuk berpisah dengan ayah yang dikasihinya itu tetapi jika lau keadaan memaksa dia tidak dapat mengelakkannya lagi. Malam itu sebelum tidur, mereka mengambil keputusan yang amat berat untuk memasukkan Ramli ke Rumah Orang Tua yang dikendalikan oleh Kerajaan. Jikalau ada Rumah Orang Tua swasta yang diiktiraf oleh Kerajaan, maka mereka bercadang untuk memasukkan Ramli ke institusi seperti itu kelak.

Ramli berasa gembira tinggal di Rumah Seri Kenangan, Cheras kerana rakan-rakannya ramai. Dia boleh berbuat sesuka hatinya. Sungguhpun kebebasan ada batasananya, tetapi dia mendapat layanan yang baik dari petugas-petugas di situ. Sewaktu sakit, ada doktor datang merawatnya. Macam-macam kemudahan ada disediakan oleh Kerajaan. Dia sungguh berasa bertuah dan bersyukur kerana ditempatkan ke dalam institusi seumpama itu.

Pada mulanya Mimi kerap mengunjunginya untuk menjalinkan perasaan kasih sayangnya bersama-sama suaminya tetapi lama kelamaan, Mimi pun jarang-jarang sekali menunjukkan mukanya. Sudah jadi adat dunia, fikir hati kecil Ramli, jika lau sudah jadi warga tua, kasih sayang anak berkurangan, tidak seperti barang-barang antik. Kenapa dunia ini sebegitu kejam, bisik hati kecilnya lagi dan kenapa pengaruh budaya barat begitu lumrah tidak diekbat awal-awal lagi sebelum cara hidup tradisi yang dipusakai dari nenek moyang kita runtuh dan hancur berkecaci. Dia memandang jauh ke hadapan dengan perasaan hiba mengenangkan nasib malang yang menimpanya.

"Sudahlah tu Ramli," kejut Osman sahabat karibnya. "Loceng sudah berbunyi, mari kita pergi makan dan lepas itu kita ke surau mendengar syarah agama."

## **MASALAH SOSIAL SEMASA: TUGAS MASYARAKAT**

SEJAK merdeka, negara yang kita cintai ini melancarkan pelbagai rancangan pembangunan ekonomi, pembangunan desa dan masyarakat, perindustrian, pemodenan dan lain-lain dengan tujuan murni untuk menghapuskan kemiskinan di kalangan masyarakat tanpa mengira kaum serta mempertingkatkan taraf hidup rakyat jelata.

Di samping rancangan-rancangan itu yang membawa nikmat dan kesejahteraan kepada rakyat ia juga memberi kesan sampingan terhadap isu-isu sosial yang begitu ketara. Pembangunan ekonomi yang terlalu pesat menimbulkan pergolakan sosial serta menjelaskan perimbangan sosial yang dinikmati oleh berbilang kaum di negara ini. Keadaan ini menimbulkan pelbagai masalah sosial seperti penyalahgunaan dadah, penghijrahan belia dari desa ke kota, penganiayaan kanak-kanak, kenakalan kanak-kanak, pelacuran di kalangan wanita dan gadis, perbalahan keluarga, pengemisan dan pengabaian orang tua. Peningkatan kadar masalah sosial ini juga menunjukkan satu petanda bahawa keadaan kestabilan sosial masyarakat kita tidaklah begitu sempurna. Oleh itu langkah yang positif harus diambil untuk mencari jalan bagi memperbaiki keadaan ketidakseimbangan sosial ini dan menahannya daripada menjadi bertambah buruk.

Wujudnya hubungan ketidakseimbangan dalam masyarakat dapat dikaitkan pula dengan proses perubahan sosial yang dialami masa kini. Tambahan pula, ketenteraman masyarakat juga turut terganggu oleh kerana berlakunya perubahan-perubahan dalam struktur keluarga, fungsi yang dimainkan oleh lelaki dan wanita, sikap masyarakat serta mobiliti kependudukan dan sebagainya.

Pada masa lampau, sistem sokongan masyarakat memainkan fungsi penting dalam memberi kemudahan kepada keluarga seperti keselamatan, nasihat dan bimbingan, panduan serta sokongan. Di samping itu, sokongan tambahan pula diberi oleh komuniti tempatan kepada keluarga berkenaan. Pada masa ini, dengan wujudnya perubahan sosial dalam struktur keluarga daripada keluarga lanjut (extended family) kepada keluarga asas (nuklear family) serta penghijrahan belia ke bandar yang bersangkut paut dengan

\* Ucapitama Ketua Setiausaha, Kementerian Kebajikan Masyarakat, Datuk Syed Zainal Abidin Jamalullail, di Seminar Kebangsaan Kebajikan Masyarakat "Masalah Sosial Semasa - Peranan Masyarakat" di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur pada 6 November 1987.

Dari *Jurnal Kebajikan Masyarakat* Jld 6 No. 1 Dis. 1987 m.s. 1-5.

faktor peluang pekerjaan, ia mula menjelaskan sistem sokongan sosial dalam masyarakat. Keadaan ini semakin bergolak dan mengganggu kestabilan masyarakat kita. Tambahan pula, perubahan dalam cara dan resam hidup, sikap mengejar kekayaan kebendaan dan sebagainya membawa pelbagai pertentangan dan krisis nilai serta tekanan hidup ke atas orang perseorangan dan keluarga kerana keadaannya sentiasa berubah-ubah. Ini juga menyebabkan pelbagai masalah sosial dan golongan yang teruk terjejas dalam kedudukan ini khususnya ialah kanak-kanak, orang tua dan orang cacat. Kini kita memerlukan usahasama

**Di dalam pergolakan sosial, lazimnya kanak-kanaklah menjadi mangsa.....**

dengan semangat memberi pertolongan kepada semua yang berkaitan supaya mereka dapat hidup bahagia dan sejahtera.

Kita sedia maklum bahawa manusia membentuk masyarakat dan sebaliknya pula masyarakat membentuk kembali manusia. Oleh yang demikian dalam pertalian yang rapat di kalangan manusia, wujud sikap bantu-membantu dan tolong-menolong dalam masyarakat. Dalam sesuatu masyarakat, ada dua golongan manusia; satu yang memberi jagaan dan perlindungan dan yang satu lagi hanya menerima. Sama ada disukai atau tidak, kita semua akan menjalani fasa hidup ini dalam kehidupan kita. Pusingan hidup sebegini menjadi masyarakat itu bergerak-tindak. Dalam hal yang sedemikian, menjadi tanggungjawab dan tugas hidup warganegara untuk memberi sumbangan bakti demi kesejahteraan negara, khususnya membantu mereka yang tidak berkeupayaan dan tidak berkemampuan mencapai tahap berdikari.

Malaysia, sebuah negara membangun, tidak mampu mengagihkan peruntukan yang banyak daripada sumber-sumber kerajaan untuk keperluan perkhidmatan kebajikan. Tambahan pula, apabila kita bercakap mengenai kebajikan, ia secara langsung meliputi keadaan sosial yang tidak diselesaikan hanya semata-mata dengan rancangan kerajaan. Perubahan dalam keadaan sosial ini boleh dilaksanakan melalui pembabitan usaha yang bersungguh-sungguh daripada semua lapisan masyarakat dan kerajaan bersedia memberi apa-apa panduan serta bimbingan kepada sebarang rancangan yang ada.

Berteraskan semangat inilah juga, maka Kementerian Kebajikan Masyarakat melancarkan Kempen Minggu Kebajikan Negara pada tahun 1985. Tujuannya ialah untuk memberi penerangan sambil mencetuskan kesedaran rakyat jelata bahawa kebajikan masyarakat adalah tanggungjawab bersama. Intipati kempen ini ialah untuk menarik pembabitan dan sumbangan bakti, keupayaan serta penyertaan setiap individu, kelompok

dan komuniti tempatan serta badan sukarela dalam kerja kebaikan di beberapa peringkat. Walaupun wujud pelbagai kemajuan, masih ada bidang-bidang yang perlu diperkembangkan untuk membina satu masyarakat yang mampu berdikari serta mempunyai ketahanan diri.

Sungguhpun ada beberapa golongan khas lain yang memerlukan bantuan untuk diserapkan ke dalam arus masyarakat, namun begitu seminar ini akan memberi tumpuan kepada tiga golongan utama yang terjejas, iaitu kanak-kanak, orang tua dan orang cacat.

Sebagaimana yang kita semua sedia maklum dalam pergolakan sosial, lazimnya kanak-kanaklah menjadi dan dijadikan mangsa. Penyderitaan kanak-kanak ini selalunya disiarkan di akhbar-akhbar tempatan dengan berita-berita mengenai penyalahgunaan kanak-kanak dan penderaan pekerjaan, penganiayaan dan pengabaian, anak dibuang atau ditinggalkan begitu sahaja. Juga mengenai '*sex abuse*' berserta dengan kelaziman yang tidak berperikemanusiaan. Kekerapan berita yang dilaporkan ini semakin hari semakin meningkat dan masih ada banyak lagi kedurjanaan yang berlaku tanpa dikesan. Sebagai contoh, di segi perangkaan, pada tahun 1986 kes penganiayaan kanak-kanak yang dilapor di Kementerian Kebajikan Masyarakat berjumlah 171 berbanding hanya 72 orang pada tahun 1985. Di samping itu, ada 1,521 kanak-kanak yang tinggal dalam institusi kerajaan dan badan-badan sukarela kerana sebab-sebab tertentu.

Kanak-kanak lazimnya memerlukan perlindungan daripada penganiayaan dan pemerasan. Mereka perlu diberi peluang untuk hidup dengan sempurna, sama ada daripada aspek perkembangan jasmani, rohani atau mental. Disebabkan perkara-perkara tertentu, bukan semua keluarga dapat memberi peluang itu kepada anak-anak mereka. Sebaliknya, mereka memerlukan sokongan dan bantuan kerajaan dan masyarakat menerusi program-program yang bersifat pencegahan dan pembangunan, iaitu sumbangan serta penyertaan aktif ibu bapa, jiran tetangga, komuniti tempatan dan persatuan sukarela dalam mengadakan pelbagai program melalui kegiatan seperti pendidikan sosial, '*advocacy*', Taman Asukan Kanak-Kanak dan sebagainya. Jika perlu, untuk lebih memahami alam kanak-kanak dan keperluannya, masyarakat patut diajak menyelami kehendak alam fikiran mereka atau '*think children*'. Tenaga kita perlu ditumpukan dalam mendidik anak-anak supaya apabila mereka besar kelak, akan menjadi rakyat berguna dan berbakti kepada negara. Di samping itu, mereka perlu dididik untuk menghadapi cabaran hidup masa depan. Untuk mencapai tujuan itu, sumbangan dan penyertaan yang menyeluruh daripada semua peringkat dan golongan masyarakat amat penting.

Dalam memperkatakan masalah ketuaan atau 'aged', ia adalah satu fenomena fasa putaran hidup yang akan dilalui oleh setiap individu, sama ada disedari atau tidak. Bagi Malaysia, rancangan kesihatan yang sempurna dapat meningkatkan jangka hayat dan usia orang tua-tua. Perangkaan jangka hayat menunjukkan purata umur lelaki ialah 67.9 tahun dan wanita 73.0 tahun. Dengan perkembangan jangka hayat yang baik, dijangka wujud pertumbuhan selaras dengan golongan orang tua yang berusia 65 tahun ke atas.

Pada tahun 1985 pula, penduduk orang tua yang berusia 65 tahun lebih meliputi 3.5 peratus daripada jumlah besar penduduk dan pada tahun 2,000 unjuran penduduk orang tua menjangkau angka 998,200 atau 4.9 peratus daripada jumlah besar penduduk negara.

Oleh yang demikian, keperluan utama bagi merangka satu panduan demi kesejahteraan masyarakat orang tua di negara ini harus dirancang segera, lebih-lebih lagi dengan perubahan nilai hidup sekarang, kuasa dan kepentingan orang tua semakin berkurangan sehingga wujud perasaan terbuang, kerunsingan, tidak selamat, bosan serta kehilangan akal atau bodoh di kalangan mereka.

Justeru itu, peningkatan umur boleh menjadi satu pengalaman yang mengecewakan. Adalah difikirkan amat perlu dirancangkan program untuk membolehkan mereka menghadapi masa hari tua mereka tanpa jiwa yang tergugat.

Tambahan pula, bagi mereka yang tidak mempunyai tempat tinggal, masalah mereka akan menjadi lebih rumit.

Penempatan mereka di institusi pula akan menyebabkan pengasingan daripada masyarakat dan ini akan menimbulkan keadaan mental yang kurang sihat. Perangkaan masa kini menunjukkan seramai 3,921 penghuni orang tua-tua di dalam institusi.

Majlis Pusat Kebajikan Malaysia pula berusaha menubuhkan Asrama Kecil Bagi Orang-orang Tua dalam komuniti tempatan dan di samping itu, Kementerian Kebajikan Masyarakat mengadakan rancangan penyaraan orang tua. Melalui rancangan ini, seramai 10,440 orang tua dapat hidup terus dalam persekitaran biasa mereka.

Di samping itu pula, umur persaraan awal yang diamalkan di negara ini boleh menjadikan seseorang berasa hilang kepentingannya.

Tambahan pula, didapati ramai daripada mereka dalam lingkungan umur 55 tahun masih dalam keadaan kesihatan sempurna dan mampu memberi sumbangan bermutu kepada pembangunan negara buat jangka masa yang lebih-panjang.

Sehubungan itu, segala kebijaksanaan, pengalaman dan tenaga mereka boleh digunakan sepenuhnya untuk kemajuan masyarakat.

Selain itu, mereka perlu mendapat galakan untuk terus berbakti dan berasa berguna sambil mengecap nikmat hidup.

Sejajar dengan ini, untuk menjayakan suasana itu, usaha sama daripada semua lapisan masyarakat harus digemblangkan.

Bagi orang-orang cacat pula, mereka sentiasa diberi pengakuan peluang untuk memajukan diri sendiri.

Golongan ini bukan menagih simpati tetapi memohon diberi peluang yang adil supaya mereka dapat berfungsi bersama orang ramai biasa.

Bagi tujuan ini, adalah diperlukan untuk mengesan orang cacat daripada peringkat awal kerana cara ini dapat mengurangkan keterukuran kecacatan yang dialami serta dapat merancangkan penyatuan mereka dalam arus perkembangan masyarakat. Setakat ini, 35,424 orang cacat sudah berdaftar dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Pada tahun 1985, sebaik sahaja Kempen Minggu Kebajikan Negara dilancarkan, seramai 3,283 orang tampil mendaftar diri. Jumlah orang cacat yang didaftar itu sangat kecil jika dibandingkan dengan bilangan orang cacat di negara ini yang dianggarkan berjumlah tidak kurang daripada satu peratus penduduk keseluruhannya.

Daripada maklum balas yang diterima dalam kempen itu, ramai orang cacat tidak tampil ke hadapan untuk mendaftar diri disebabkan perasaan malu ibu bapa untuk menerima hakikat kecacatan anak-anak mereka, perlindungan yang berlebihan oleh ibu bapa, perasaan khuatir dan bimbang untuk berpisah dengan anak yang memerlukan rawatan cepat sembah daripada pemulihan dan sebagainya.

Keadaan ini membantu rancangan pemulihan dan jika ibu bapa dan masyarakat tidak mengubah sikap dengan segera dan memberi sokongan dan kerjasama, maka kejayaan yang diharapkan oleh Kementerian akan sukar dicapai.

**Kita sedia malum bahawa manusia  
membentuk masyarakat dan sebaliknya pula  
masyarakat membentuk kembali manusia.**

Selain itu, masyarakat perlu menyusun satu pendekatan supaya keupayaan dan kemahiran orang-orang cacat yang terlatih itu dapat digunakan untuk kepentingan mereka sendiri dan masyarakat.

Dari itu, masyarakat sepatutnya menunjukkan sikap positif dengan cara memberi peluang pekerjaan kepada mereka mengikut kemampuan dan kebolehannya.

Sebaliknya pula, tugas orang cacat perlulah untuk berusaha lebih gigih bagi mendapatkan keyakinan dan kepercayaan orang ramai.

Begitu juga dengan pertubuhan sukarela yang peranan mereka menjadi penting dalam memperluaskan kemudahan-kemudahan seperti bengkel perlindungan dan industri yang akan membuka peluang pekerjaan kepada orang cacat yang tidak dapat bersaing dalam pasaran pekerjaan biasa.

Saya mengambil kesempatan ini untuk menekankan betapa perlunya usaha bersungguh-sungguh daripada semua sector ke arah menyatupadukan kumpulan sasaran berkenaan dalam semua kegiatan bersepakut masyarakat. Dalam aspek ini, kita sepatutnya berusaha membangunkan satu masyarakat yang peka kepada masalah dan keperluan yang terjejas ini.

Sudah menjadi budaya kita sebagai satu masyarakat bertamadun, menjunjung perasaan tanggungjawab dan mementingkan kebajikan setiap rakyat di negara ini.

Di samping kasih sayang yang semula jadi terhadap kanak-kanak dan sikap tolong-menolong serta hormat-menghormati, semua pihak khususnya orang tua-tua juga terbendung dalam kebudayaan kita. Menjadi harapan saya supaya nilai budaya kita tidak ditenggelami proses pemodenan yang pesat.

Satu usahasama komuniti yang lebih kukuh harus digalakkan dalam mengembalikan bibit nilai budaya yang kaya itu daripada terus memusnahkan ketenteraman dan kesejahteraan masyarakat kita.

## AKHBAR\*

Akhbar oh! Akhbar  
Membikin hatiku berdebar-debar  
Adakalanya kuriang gembira  
Berita tersiar di depan muka  
Adakalanya aku gelap hiba  
Berita buruk hiburan pembaca.

Kau kata kau melambangkan suara rakyat  
Amalan demokrasi negara berdaulat  
Tetapi kadang-kadang kau terlalu bebas  
Hak-hak individu menjadi terbabas  
Sehingga terlupa kebebasanmu juga terbatas.

Teruskan perjuanganmu  
Membogelkan penyelewengan dan kepincangan masyarakat  
Kerana rakyat harus tahu  
Mereka perlukan pembelaan nekat  
Angkara kegelojohan politik, gila kuasa dan pangkat.

Tetapi kenapa kau terlalu kejam  
Kepada mereka hidupnya terancam  
Kau bogelkan cerita bermacam-macam  
Sehingga mangsa tenggelam karam  
Hidupnya kini remuk redam.

Kau tepuk dada bebas bersuara  
Sungguhpun adakalanya sumbang tanpa nada  
Kau jadikan punca pendapatan  
Dari keburukan nasib insan  
apakah ini suruhan Tuhan?

\* Dari *Majalah Berita Kebajikan*, Jld XVIII Mei-Ogos, 1989 m.s. 24.

Berita buruk kau besar-besarkan  
Berita baik kau kecil-kecilkan  
Scolah-olah orang tidak berperasaan  
apakah ini dipanggil kebebasan?  
Tanpa batasan dan  
Belas Kasihan!

Kepada kau inginku sarankan,  
Hak kebebasan jangan disalahgunakan  
Hati-hati kau gunakan budi bicara  
Supaya yang malang tidak menderita  
Terlepas dari azab sengsara  
Dalam dunia yang fana.

29.5.1989.

## DENIAL OF JUSTICE

Alas! We've never felt so wretched  
In our whole working career  
Junior officers appear to get the upper hand  
In the promotion exercises, year by year.

Bah! We're just baffled  
At the attitude of the Promotion Board  
Time and again we've been superseded  
As if thrown overboard.

Having been in service for nearly there decades  
our experiences are vast and varied  
Surely the Promotion Board just can't ignore  
Alive as if we've been buried

Oh! What an utter disgust  
To find the Promotion Board so blatantly unjust  
A matter which is so serious  
Treating us just like nobody's business.

We pray the Board would be more fair  
To avoid low morale, despondency and despair  
If it's true that we're considered so unworthy  
Why disillusion us with the principle of seniority?  
All of us have got feeling  
Sensitive to balatant injustice  
Surely we're as capable as any other  
Given the opportunity, we certainly can perform much better.

26.8.1989.



## AKU BERKUASA

Aku berkuasa  
Di pandang seperti raja

Aku dihormati  
Masyarakat memandang tinggi  
Rumahku besar seperti mahligai  
Penuh dengan perabot berbagai-bagai  
Keretaku Mercedez Benz baru  
Orang melihat terpegun, kaku

Aku boleh buat apa aku suka  
Peduli apa kepada mereka  
Kankah aku sudah diberi kuasa  
Diundi oleh rakyat jelata

Aku berpangkat besar  
Hawa nafsu berkobar-kobar  
Perempuan jelita kudampingi  
Melakukan maksiat sesuka hati  
Tak siapa yang berani mengganggu  
Wangku banyak beribu-ribu

Suruhan Tuhan tidak kupatuhi  
Begitu juga tanggungjawab kepada pengundi  
Mereka sudah mula mencaci  
Aku mungkir janji

Aku tidak perlu nasihat  
Apa aku mahu pasti dapat  
Mereka berkata aku angkuh  
Mendoakan supaya aku jatuh

Aku memang berkuasa  
Dipandang seperti raja.

14.6.1989

## KENAPA

### I

Kenapa  
Hidupnya  
Sering menderita  
dirundungi malapetaka  
Tak pernah bahagia  
Walaupun seketika  
Bermandi air mata  
Azab dan sengara

### II

Kenapa  
Hanya dia  
Menjadi mangsa  
Kekejaman dan kezaliman  
Manusia  
Tahi dunia  
Berbuat angkara  
Seperti dunia monopoli mereka

### III

Kini  
Dunianya  
Hancur berkecaci  
Gelap gelita  
Paling hina  
Merana

IV  
Hidup tanpa erti  
Rela mati.  
Satu episod yang ngeri  
Kenapa  
Oh Tuhan  
Kenapa

Kuala Lumpur  
7.12.1989

## PENGARUH WANG

Wang! Pengaruhnya paling hebat  
Sehingga banyak yang terjerat  
Terjebak oleh dadah musibat  
Tenggelam dalam gelombang maksiat

Wang! Kerana kau manusia sanggup  
Hati Berdegup-degup  
Melakukan apa saja untuk hidup  
Termasuk menyeludup.

Wang! Kau goda insan hilang pendirian  
Terumbang-ambing tanpa haluan  
Ibarat kapal dilambung taufan  
Dalam lautan bergelora tanpa daratan.

Wang! Kau pisahkan mereka  
Di antara miskin dan kaya  
Tanpa kau manusia dipandang hina  
Di sisi kau mereka dipandang mulia

Wang! Kau disanjung tinggi  
Kadang-kadang dibenci dan juga dicaci  
Namun kau tetap mulia  
Tanpa kau hidup tidak bermakna

Wang! Manfaatmu banyak sekali  
Bukan sahaja dari sudut ekonomi  
manusia bijak tidak mudah terjebak  
Manusia-lalai akibatnya terbengkalai.

Kuala Lumpur  
21.6.1989



## BUTA HATI

“Apa rancanganmu hari ini, Basri?” kejut Awang kepada teman ikrabnya yang sama-sama senasib denganannya mengalami cacat penglihatan di suatu pagi yang muram di sebuah pondok usang di kawasan setinggan di pinggir sebuah tasik bekas lombong tidak berapa jauh dari kawasan Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur.

“Tak Tahu lagilah Awang, “keluh Basri lalu mcrenung masa depamnya dengan perasaan sayu, hiba dan hampa. “Apalah nasib orang yang malang seperti kita ini, Awang! Dah berapa puluh jawatan Kerajaan dan Swasta yang kupinta tetapi semuanya berakhir dengan kegagalan dan kesepian. Nampaknya prasangka di kalangan masyarakat terhadap orang seperti kita ini masih menebal, Awang. Lebih tebal dari kulit nangka.” Sindir Basri tajam dan sinis.

Basri dan Awang kedua-duanya lulusan Universiti dalam bidang Sastera dan Kemanusiaan. Mereka buta semenjak lahir lagi. Sungguhpun pada hakikatnya mereka cacat penglihatan, tetapi hati mereka terang sekali. Akal fikiran mereka tajam dan sempurna. Tiada cacat celanya. Otak bergeliga. Apa yang diajar di Bilik Kuliah semuanya tersemat di dalam hati. Laksana ‘photographic memory’!

Sewaktu umur persekolahan dahulu, mereka dibesar, diasuh dan dididik di Sekolah Buta Princess Elizabeth, Johor Bahru. Pencapaian mereka dalam mata pelajaran adalah amat cemerlang sehingga berjaya melanjutkan pelajaran bukan sahaja ke peringkat Sekolah Menengah tetapi juga ke Universiti. Mereka unggul dalam bidang pelajaran dan di samping itu mereka boleh juga menguasai alat-alat hiburan muzik dengan baik. Kedua-duanya bercita-cita hendak menjadi Guru atau Pensyarah di Universiti, tetapi setakat ini cita-cita mereka masih tinggal cita-cita kerana jawatan-jawatan kosong baik di sektor awam atau swasta yang dipohon masih diutamakan kepada mereka yang sempurna pancainderanya sahaja.

“Aku fikir Kerajaan tak adillah, Awang” rintih Basri akibat dari mengalami kegagalan demi kegagalan untuk mendapatkan pekerjaan. “Kenapa tidak, kerana jika mereka betul-betul bersimpati dengan orang seperti kita ini, sudah tentu mereka boleh berbuat sesuatu yang positif. Kata orang tua-tua hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.”

“Aku dengar Basri, Kerajaan baru-baru ini ada membuat satu dasar baharu dalam bidang peluang pekerjaan di sektor awam untuk orang-orang seperti kita ini,” sampuk Awang dengan suara berrima kegembiraan.

"Dasar apa itu Awang? Kau bohonglah! Jangan-jangan indah khabar dari rupa sahaja. Cakap tak serupa bikin Awang." Basri masih curiga. Dia sudah terpedaya beberapa kali dengan ungkapan perkataan seumpama itu. Sesungguhnya, dia hampir-hampir putus harapan. Tetapi hatinya masih cekal dan yakin kepada dirinya bahawa satu hari nanti dia akan berjaya jua akhirnya.

"Tidak Basri, aku tidak berbohong. Dasar ini baharu sahaja dilaksanakan. Pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atau P.S.C. sedang menguruskan perkara ini bersama-sama dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat." Awang cuba menenangkan fikiran dan kecurigaan Basri.

Kecurigaan Basri yang sebentar tadi memuncak, kini turun sedikit suhunya. Namun begitu hatinya masih resah dan tidak begitu yakin. Pada Basri selagi ia tidak berjaya mendapatkan pekerjaan maka selagi itulah dia menganggap bahawa Kerajaan tidak mengambil berat dan berlaku adil kepadanya. Dia masih berkeras bahawa orang yang senasib dengannya tidak diberi perlindungan sebagaimana separutnya dan sebaliknya dibiarkan menjadi mangsa diskriminasi dan prasangka oleh pihak-pihak yang tidak berperikemanusiaan. Basri menggesa Kerajaan supaya lebih tegas dalam dasar yang disebutkan oleh Awang itu jika Kerajaan bersungguh-sungguh mahu membela nasib makhluk seumpamanya. Basri walau bagaimana sekali pun, tidak pernah berputus asa. Dia sanggup berjuang sehingga mati. Biar putih tulang jangan putih mata.

Beberapa hari selepas perbualan mereka itu, terdengar bunyi jentera motorsikal 'tut-tut-tut' menghampiri pondok usang mereka. Hati Basri berdebar-debar. Dia tahu pasti posmen datang membawa surat untuknya. Sudah berpuluhan-puluhan pucuk surat diterimanya tetapi satu pun tidak membawa berita gembira. Kali ini bagaimana pula nasibnya, bisik hati kecilnya. Kebimbangan hatinya Allah sahaja yang mengetahuinya. Degup jantungnya turun naik umpama kapal dilambung ombak. Dia hanya berdoa semoga kali ini berita baik dapat mengubat hatinya yang remuk-redam selama ini.

"Encik, ini surat untuk Basri," suara posmen membelah kesunyian, sambil memasukkan surat tersebut dalam Peti Surat di pintu pagar pondok tersebut lalu beredar ke rumah lain pula.

"Terima kasih," balas Basri lalu tergesa-gesa meluru tanpa tongkatnya mengambil surat tersebut. Degup jantungnya begitu kuat sehingga kedengaran kepada Awang yang berada di dalam ruang rumah. Jikalau kali ini aku gagal juga, bisik hati kecil Basri, sanggup aku melakukan sesuatu untuk membuka mata Kerajaan.

Surat yang diterima sudah dibuka. Mereka terpaksa memanggil jiran sebelah untuk membacanya oleh kerana surat tersebut bukan dalam tulisan ‘braille’. Sebaik sahaja isinya habis dibaca, Basri mengucap, “Alhamdulillah....” akhirnya aku berjaya juga.”

Dengan takdir Allah, pada hari yang berikutnya, Awang pula menerima berita yang sama gembiranya dengan Basri. Mereka berdua berterima kasih kepada Kerajaan, khususnya Kementerian Kebajikan Masyarakat dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Anggapan mereka selama ini bahawa Kerajaan memandang sepi kepada masalah makhluk Allah seperti mereka adalah tidak berasas sama sekali.

Basri dan Awang berpeluk-pelukan gembira. Sekurang-kurangnya masa hadapan mereka tidak lagi terapung-apung di angkasa. Mulai dari sekarang mereka akan memasuki alam hidup yang baru. Tetapi bagaimana pula dengan nasib teman-teman mereka yang lain? Selagi masyarakat buta hati, maka selagi itulah orang-orang seperti Awang dan Basri tidak terjamin masa hadapan mereka. Apa yang mereka perlukan ialah peluang. Bukannya bantuan.

## MESYUARAT KEDUA MENTERI-MENTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT ASEAN

### 1. Pendahuluan

1.1. Mesyuarat Pertama Menteri-Menteri Kebajikan Masyarakat ASEAN yang telah berlangsung pada 18 – 19 Julai 1977 di Jakarta, Indonesia telah dirasmikan oleh Almarhum Sultan Hamengku Buono IX, Naib Presiden, Republik Indonesia. Mesyuarat tersebut diadakan sebagai memenuhi keperluan tujuan kedua Perisytiharan Muafakat Penubuhan Pertubuhan ASEAN di Bangkok pada 8 Ogos 1967 dalam usahanya menggerakkan pertumbuhan ekonomi, kemajuan sosial dan pembangunan kebudayaan di rantau ini.

1.2. Di samping itu Perisytiharaan Bangkok telah juga memberi tumpuan utama kepada penggalakkan semangat perpaduan dan kerjasama serantau. Sehubungan dengan ini, Pertubuhan ASEAN itu bukan sahaja dapat memberi kesedaran tentang perlunya semangat saling bantu-membantu diperluaskan bahkan juga demi mencapai hasrat keamanan, kebebasan, keadilan sosial dan keadaan ekonomi yang baik, maka sokongan semangat kejiranan, persefahaman serta kerjasama serantau yang erat adalah amat diperlukan. Ciri-ciri yang dinyatakan ini sememangnya sudah lama terjalin dan tertanam dalam amalan murni kebudayaan serta tamadunkekayaan warisan sejarah di rantau ini.

1.3. Sungguhpun Mesyuarat Pertama Menteri-Menteri Kebajikan Masyarakat ASEAN telah diadakan pada tahun 1977, tetapi perkembangannya selepas tarikh tersebut adalah amat perlahan sekali. Ini ialah kerana disebabkan oleh tumpuan utama ASEAN kepada sektor pembangunan ekonomi. Pulangan hasil kemajuan sektor ekonomi tersebut telah sedikit sebanyak dapat menaikkan taraf kualiti hidup penduduk-penduduk negara ASEAN. Namun begitu, adalah didapati pembangunan ekonomi perlu juga diberi sokongan dan diseimbangkan dengan kemajuan dalam sektor pembangunan sosial yang berhasrat untuk menggalakkan unsur pewujudan keadilan sosial (social justice) di kalangan penduduk masyarakat ASEAN, lebih-lebih lagi dalam perkara-perkara yang ada hubungkait secara langsung dengan kebajikan masyarakat.

1.4. Dengan keutamaan diberi kepada projek-projek di bawah program pembangunan ekonomi maka secara disedari atau tidak, perkembangan

dalam bidang sosial khususnya yang melibatkan sektor kebijakan masyarakat telah tidak bergerak dengan lancar. Akibat dari tumpuan yang tidak seimbang ini, maka ia telah menimbulkan kesan-kesan sampingan iaini melahirkan gejala-gejala sosial yang bukan sahaja semakin menggugat kerukunan dan kesepadan sosial keluarga bahkan melemahkan lagi amalan murni warisan kebudayaan dan sejarah serantau. Justeru itu, keputusan untuk mengadakan Mesyuarat Menteri-Menteri Kebajikan Masyarakat ASEAN kali Kedua ini selepas tidak bersidang selama 13 tahun adalah dianggap penting untuk penetuan hala dan pencapaian arah tindakan kerjasama yang sentiasa erat dalam berbagai-bagai bidang yang berkaitan di rantau ini.

## 2. Usaha Kementerian Kebajikan Masyarakat

2.1. Berdasarkan kepada panduan dan prinsip asas ASEAN yang bergerak di atas landasan semangat muafakat bersama atau "consensus" itu, maka Kementerian ini telah berikhtiar bersungguh-sungguh sejak tahun 1985 lagi untuk menghubungi semua negara-negara ASEAN yang lain untuk menyusuli Mesyuarat Pertama Menteri-Menteri Kebajikan Masyarakat ASEAN di Jakarta itu supaya diadakan di Kuala Lumpur. Dalam hal ini berbagai bagai halangan dan rintangan berlaku untuk mendapat kata sepakat mengenai tarikh pertemuan. Ini disusuli dengan rombongan Y.B. Menteri Kebajikan Masyarakat yang melawat dan berbincang dengan rakan sejawat beliau di negara-negara berkenaan terlebih dahulu mengenai tarikh pertemuan mesyuarat. Masalah persetujuan pada tarikh pertemuan ini menjadi satu masalah besar kerana prinsip asasnya persetujuan adalah pada semangat muafakat bersama atau "*consensus*".

2.2. Akhirnya pada 10 Mac 1990 baharulah berita muktamad persetujuan semua anggota negara ASEAN diterima untuk menyuarat berikut:

- (i) Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan (SOM) pada 23 dan 24 Mac 1990;
- (ii) Mesyuarat Kedua Menteri-Menteri Kebajikan Masyarakat ASEAN pada 26 Mac 1990.

2.3. Dengan mendapat kerjasama erat dari semua pihak, khususnya Wisma Putra, Mesyuarat Kedua ini berjalan dengan lancar dan dirasmikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba di Hotel Park Royal pada 26 Mac 1990 dengan dihadiri oleh para delegasi dari negara ASEAN, anggota diplomat di Malaysia, Pegawai-pegawai Kerajaan, para wakil Pertubuhan Sukarela serta lain-lain Orang Kenamaan.

### **3. Rasional Mesyuarat Ini**

**3.1.** Tujuan utama Mesyuarat ini ialah untuk menyahut dan menceruskan perjuangan asas Perisytiharan Bangkok 1967. Selain dari itu, pertemuan para anggota di Mesyuarat ini ialah untuk memberi arah dan meningkatkan keeratan identiti ASEAN serantau sebagai asas kerjasama khususnya di bidang sosial melalui integrasi serantau sebagai satu mekanisme yang sesuai serta dapat mengukuhkan lagi ciri ketahanan (resilience) di kalangan anggotanya. Adalah juga melalui ‘arena’ ini sebagai asas untuk mengerakkan tindakan bersama bukan sahaja dapat menyelesaikan beberapa masalah sosial serantau bahkan untuk memantapkan lagi usaha pembangunan negara di kalangan negara ASEAN pada keseluruhannya.

### **4. Penyertaan Delegasi**

**4.1.** Negara Brunei Darussalam mengirim 6 anggota delegasi yang diketuai oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; Indonesia 9 orang dengan diketuai oleh Menteri Hal Ehwal Kebajikan Sosial; Malaysia 9 orang, diketuai oleh Y.B. Dato' Mustaffa bin Mohammad, Menteri Kebajikan Masyarakat; Filipina 4 orang yang diketuai oleh Menteri Kebajikan Masyarakat dan Pembangunan; Singapura 5 orang yang diketuai oleh Menteri Negara Untuk Pembangunan Masyarakat dan Pendidikan; Thailand 6 orang, diketuai oleh (wakil Menteri pada saat terakhir) iaitu Ketua Polis Negara, Kementerian Dalam Negeri, di samping Setiausaha Agong Sekretariat ASEAN di Jakarta bersama 2 orang Pegawai Kanannya.

### **5. Tajuk Kertas Perbincangan**

**5.1.** Kertas-kertas Kerja yang diperbincangkan ialah:

- “*Regional Strategies For The Development Of Social Welfare In ASEAN Community With The View To Alleviating Urgent Social Problems In ASEAN Members Countries*” (Singapura)
- “*Cooperation In Improving The Quality Of Life Of Rural Communities In ASEAN Through community And Family Development Programmes*” (Thailand)
- “*Recommendations Of The Inter-Regional Consultation Of Development Social Welfare Policies And Programmes By The International consultation On Developmental Social Welfare Policies And Programmes, Vienna*”, (Malaysia).

- “*Network Of Information Exchange On Social Welfare Policies And Programmes Among ASEAN Member countries*” (Indonesia).
- “*Participation of Non-Governmental Organisations, Local Communities And Private Sector In The Development of Social Welfare In ASEAN*” (Filipina).
- “*ASEAN Sports Activities For The Disabled*” (Brunei Darussalam).

**5.2.** Di samping pembentangan beberapa Kertas Kerja mengenai isu-isu kebijakan, ulangkaji perkembangan sejak Mesyuarat Pertama diberikan oleh ASEAN Sekretariat Jakarta dan sebagainya, yang turut menjadi minat bersama. Pengalaman saya semasa menghadiri Persidangan Antarabangsa di Vienna mengenai Dasar Pembangunan Sosial dan Program sedikit sebanyak dapat juga memberikan ‘input’ kepada Persidangan ini.

## **6. Kejayaan dan Kelemahan bagi Mengaturkan Mesyuarat ini – Satu Pengalaman**

**6.1.** Dalam membicarakan kejayaan Mesyuarat ini tidak boleh dinafikan tentang wujudnya kemampuan dan kebolehan di kalangan ramai pegawai di Kementerian ini di semua peringkat yang dapat berganding bahu menyusun langkah sesama sendiri dan bekerjasama dengan lain-lain agensi untuk mengaturkan tindakan bersama menjayakannya. Bagi pihak saya kerjasama erat dan sokongan semua agensi adalah amat membanggakan dan ini termasuklah Wisma Putra, Unit Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Dalam Negeri, Polis Di Raja Malaysia, Kementerian Penerangan, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, Perbadanan Kemajuan Pelancongan, Jabatan Kerja Raya media massa yang turut memberi liputannya.

**6.2.** Perkara yang lebih mengagumkan pada hemat saya ialah kecenderungan yang mendalam dan minat Dato' Menteri Kebajikan Masyarakat untuk segera mengadakan Mesyuarat yang lama ditinggalkan masa selepas 13 tahun berlalu.

**6.3.** Yang lebih mendebarkan hati dan mencabar sebagai Pengerusi Jawatankuasa Induk ialah untuk berjaya mengawal perasaan diri dan menguatkan kepercayaan penuh bagi mengaturkan strategi pada kala dalam keadaan kesuntukan masa lebih kurang 2 minggu bagi menjayakan Mesyuarat ini. Lebih-lebih lagi tatkala itu kebanyakan hotel ternama di Kuala Lumpur telah habis ditempah untuk beberapa Persidangan Antarabangsa di sini. Walau bagaimanapun Hotel Park Royal adalah

'penyclamat' kerana tiada pilihan lain lagi di kawasan 'tiga segi emas' medan perdagangan Kuala Lumpur di Jalan Sultan Ismail ini.

6.4. Mengenai kelemahan yang ada dalam mesyuarat ini jika boleh dianggap sebagai kelemahan ialah bahawa sungguhpun prinsip muafakat bersama ASEAN itu baik, tetapi untuk mendapat keputusan muktamad dalam menetapkan persetujuan tarikh mesyuarat itu membuat semua agensi yang berkaitan menjadi cemas dan gangguan pada saat-saat akhir bila ada persetujuan muktamad untuk bermesyuarat. Aturcara persiapan walaupun telah dirancang dari awal tetapi sebagai langkah berjaga-jaga beberapa alternatif diaturkan untuk mengatasinya.

6.5. Pendedahan pegawai kepada Persidangan sedemikian ini adalah sementara dan tidak kerap bagi membantu dan meningkatkan lagi kecekapan mereka untuk urusan Persidangan peringkat Antarabangsa.

## 7. Syor

7.1. Dalam suasana mesra dan semangat ASEAN, para Menteri Kebajikan Masyarakat ASEAN bersetuju menerima laporan hasil dari Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan mereka khususnya tentang kerjasama serantau dan seterusnya bersetuju supaya mesyuarat seumpama ini diadakan dua tahun sekali dalam masa hadapan. Mesyuarat yang akan datang akan diadakan di Filipina pula pada tahun 1993.

7.2. Demi memperkuatkhan kerjasama serantau dalam berbagai-bagi isu, para Menteri menyuarakan harapan supaya dapat diperhebatkan lagi kerjasama dalam usaha mengurangkan masalah sosial; meningkatkan mutu khidupan rakyat; menggalakkan aktiviti kesukuan di kalangan orang-orang cacat; kajian penubuhan rangkaian pertukaran maklumat mengenai dasar-dasar dan program kebajikan masyarakat; memperlibatkan organisasi sukarela (NGOs) masyarakat setempat dan sektor swasta/persendirian dalam usaha pembangunan kebajikan masyarakat; serta mewujudkan hubung-tindak di kalangan "*national adoption agencies*" dalam ASEAN.

7.3. Para Menteri juga mahu satu mekanisme yang lebih berkesan wujud dalam hal-ehwal kebajikan masyarakat demi kerjasama serantau yang terjalin erat.

KEMENTERIAN KEBAJIKAN MASYARAKAT,  
MALAYSIA.

## PENGARANG DURJANA

Kau manusia terkutuk  
Rasul Junjungan kau perolok  
Kau pengkhianat  
Sewajarnyalah kau dilaknat.


Rasulullah semulia-mulia insan  
Kau persenda-sendakan, kau perburuk-burukan  
Rasul pembawa rahmat  
Tidak sekali kau hormat.

Kau sesungguhnya scorang murtad  
Dosamu lebih buruk dari keparat  
Jika kau enggan bertaubat  
Ke neraka jahanam kau disumbat.

Bukumu 'The Satanic Verses' diharamkan  
Hampir ke seluruh alam  
Ayatollah Khomeini menghukum kau dibunuh  
Di sana sini Muslimin merusuh.

Kau kini lari bersembunyi  
Kau rupanya takut mati  
Waktu mengarang kau pura-pura lupa  
Inginkan kemasyhuran terjun ke neraka.

11.6.1989





## SEA GAMES XV

(Sukan Asia Tenggara XV)  
20.8.1989 - 31.8.1989

Selaku Tuan Rumah  
Keupayaanmu jelas terbukti  
Negara-negara peserta juga memuji  
Majlis Pembukaan sungguh cemerlang  
Warna-warni, gilang gemilang  
Tiada tolok bandingnya  
Seperti di Indera Loka  
Amat mengagumkan dan mempesonakan.

Di dalam gelanggang sukan  
Kau umpama Panglima Sakti  
Keunggulanmu juga terbukti  
67 pingat emas kau perolehi  
Paling bersejarah  
Negara Thailand dapat kau atasi  
Buat pertama kali  
Amat memeranjatkan dan mengejutkan.

Harapanku  
Biarlah keunggulanmu berpanjangan  
Tidak seperti yo-yo.....  
Perbaharui tekad dan keazaman  
Latihan mesti dipertingkatkan  
Rekod dicipta dipertahankan  
Sekali berusaha terus berusaha  
Sehingga termasyhur di seluruh dunia.  
Malaysia! Aku tahu kau berwibawa  
Teruskan hasrat dan cita-cita Negara  
Sehingga berjaya  
Seperti Harimau  
Kau akan menggerunkan semua.

1.9.1989.

## C H O G M

### Persidangan Ketua-Ketua Negara Komanwel

I

Di suatu ketika  
Kewibawaanmu dicuriga  
Menfaatmu menjadi tandatanya  
Persidangan demi Persidangan  
Tahun demi tahun  
Masalah tinggal masalah  
Yang berkuasa terus berkuasa  
Yang mundur terus dikuasai dan diperkosa.

II

Malaysia di persimpangan jalan  
Kajian semula menjadi tumpuan  
Nyata menfaatmu masih banyak  
Selepas diperhitung dan disemak  
Akhirnya keputusan diambil  
Di Vancouver 1987  
Malaysia menjadi tuan rumah  
**CHOGM 1989** penuh sejarah.

III

Paling besar hati Malaysia  
Segala persiapan diatur rapi  
Tanggal 18 Oktober Persidangan dirasmi  
Disambut secara besar-besaran  
Semua Negara-negara Komanwel  
Terkejut dan terpesona  
Keupayaan Malaysia jelas terbukti  
Kemasyhuran negara berseri-seri.

IV

Kini Malaysia terkenal di seluruh dunia  
Mereka tertanya-tanya, ternganga-nganga  
Ramai pasti akan membanjirimu  
**1990 'Visit Malaysia Year'**  
Pimpinan Dr. Mahathir selaku Perdana Menteri  
Nyata berwibawa dan unggul sekali  
Rakyat Malaysia kagum dan bangga  
**CHOGM** masih berfaedah rupanya.

Pulau Pinang  
22.10.1989.

## HONG KONG

(Dari Tendela Kamar Hotel Kowloon Shangri La)

I

Bak seorang gadis rupawan  
Keindahanmu sungguh menawan  
Sukar ditandingi  
Hatiku berdebar-debar  
Jatuh kasih  
A la cinta pandang pertama.

II

Di permukaan leretan gunung-ganang  
Tersergam menjunam megah  
Pencakar-pencakar langit  
Seperti 'Manhattan' di New York  
Malam cahaya bergemerlap  
Lampu neon berwarna-warni  
Berkelipan-kelipan, berkilau-kilauan  
A la Syorga Indera Loka.

III

Bermandi lautan biru  
Kau nyata memikat jiwa  
Beraneka kapal  
Perahu dan Feri  
Membanjirimu  
Dari seluruh dunia  
Tak jemu mata memandang  
Aku terpersona.

IV

Puas mataku berpesta bak muda mudi berdansa  
Nyata aku sudah terpikat  
Keindahanmu tiada tolok bandingannya  
Hong Kong oh! Hong Kong  
Kau akan kulumunjungi lagi.

Kowloon, Shangri La:  
HONG KONG  
8.11.1989

## DAVID COPPERFIELD

- I      Mulanya kau dikutuk dan dicaci  
Kononnya kau keturunan Yahudi  
Banyak orang berprasangka dan benci  
Istimewa kepintaranmu sukar ditandingi.
- II     Setelah kau datang ke Malaysia  
Seperti seorang perwira  
Menunjukkan kebolehan yang luar biasa  
Dikerumuni oleh setiap manusia  
Di mana-mana kau berada  
Nyata prasangka mereka  
Tidak berasas dan dusta.
- III    Kedatanganmu berbuat amal berbakti  
Tabung Yayasan Kebajikan Negara perlu diisi  
Sambil menunjukkan kebolehan  
Yang paling menakjubkan  
Kau memberi penghiburan  
Kepada penonton-penonton yang dermawan  
Tua, muda, lelaki dan perempuan.
- IV    Lawatanmu ke Malaysia tidak sia-sia  
Kini Malaysia terkenal di seluruh dunia  
Pertunjukan silap matamu  
Ditonton manusia tidak jemu-jemu  
Derma dipungut juga lumayan  
Demi kepentingan kebajikan insan  
Wahai taulan dan rakan.

V Kau sudah pergi kini  
Tetapi jasamu tetap abadi  
Mereka yang pada mulanya mencaci  
Kini menyenyapkan diri sunyi  
Seperti dunia tanpa penghuni  
Insah oh insan!  
Berfikirlah dahulu sebelum mengeluarkan perkataan.

3.7.1989.

## TRAGEDI NADRAH (MARIA HERTOG)

- I Kau selalu dirundung malang  
Sering berhati walang  
Hidup tak pernah senang  
Air mata jatuh berlenang-lenang.....
- II Di waktu kecil kau dipelihara dengan rapi  
Oleh Aminah ibu angkatmu berhati suci  
Selama lapan tahun kau dijaga  
Ibu kandungmu Adelaine tak pernah pun bertanya.
- III Seketika bila kau menjadi remaja  
Hidupmu sungguh bahagia  
Tak pernah bersedih dan kecewa  
Kasih sayang Aminah kepadamu tidak sia-sia  
Kau menetap di Kemaman  
Hidup tenteram udara nyaman.
- IV Di satu hari kau ternampak  
Oleh Pegawai Tadbir Inggeris bernama Locke  
Mulailah hidup bertukar corak  
Segala latar belakangmu dirombak  
Angkara Locke punya muslihat  
kau dan Aminah dipasangnya jerat  
Di Singapura kau terlekat dan tertambat,
- V Di bawah undang-undang penjajahan Singapura  
Harapan Aminah untuk bertahan samar-samar sahaja  
Sungguhpun Aminah cuba seberapa upaya  
Dengan bantuan Peguam-peguam Islam di Singapura  
Akhirnya kes Mahkamah kau tewas  
Harapanmu hidup bersama Aminah terbabas.



- VI Cetuslah pergaduhan  
Di antara orang-orang Islam dengan Kerajaan  
Penjajahan Singapura yang tidak berperi kemanusiaan  
Banyak nyawa terkorban  
Dalam peristiwa negeri  
Yang tak mungkin dilupai  
Oleh muslimin-muslimat di seluruh negeri.
- VII Harapanmu untuk hidup bersama Aminah berkecaci  
Air mata turun berderai-derai  
Hidup bahagia menjadi terbengkalai
- VIII Hak Aminah dan Mansor ditolak bulat-bulat  
Oleh Undang-undang Penjajah laknat  
Kini Nadrah dirampas oleh ibu kandungnya  
Segala penat lelah Aminah tidak dikenangnya  
Tinggallah Aminah bersedih  
Sakitnya hati bagai dihiris
- IX Semuanya ini takdir Tuhan  
Selaku makhluk kita tak berupaya melawan  
Kepada Aminah dan Mansor didoakan  
Semoga roh mereka disinar Rahmat berpanjangan.

1.7.1989

## CABARAN-CABARAN DALAM PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN

Melaksanakan projek-projek pembangunan di Kementerian Kebajikan Masyarakat ini adalah merupakan satu cabaran. Proses pelaksanaan projek-projek pembangunan memerlukan masa yang agak panjang kerana ianya melibatkan peraturan-peraturan yang tertentu di beberapa peringkat. Secara ringkas proses pelaksanaan projek pembangunan boleh dibahagikan kepada 5 peringkat iaitu:

- (i) Pemilihan dan pengambilan tanah
- (ii) Perancangan projek
- (iii) Penyediaan dokumen dan tawaran
- (iv) Pembinaan
- (v) Perolehan alat-alat kelengkapan

### 1. Pemilihan dan Pengambilan Tanah

1.1. Dalam peringkat pemilihan dan pengambilan tanah ini, ianya melibatkan pelbagai agensi/pihak seperti Pejabat KPTG, PTG, Pentadbir Tanah Daerah, Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri serta Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah. Masalah-masalah yang selalu timbul dalam proses pengambilan tanah ini ialah:

- (i) Tapak yang ditawarkan tidak begitu sesuai dari segi fizikal dan sebagainya. Umpamanya tanah tersebut berbukit, terlalu curam atau berpaya atau jauh di pedalaman atau dicerobohi oleh setinggan-setinggan. Ini scelalunya mengakibatkan lawatan-lawatan ke tapak perlu dibuat beberapa kali sebelum sesuatu tapak betul-betul dapat dikenalpasti untuk sesuatu projek. Jika tapak yang tidak sesuai itu tidak dapat digantikan, ia pula akan meningkatkan kos pembinaan bagi membaikpulih tapak tersebut. Bagi mengatasi masalah ini pihak agensi pusat telah menetapkan satu peraturan baru di mana tapak yang sesuai perlu dikenalpasti terlebih dahulu sebelum sesuatu projek dipohon di bawah rancangan pembangunan lima tahun. Ini adalah untuk mengelakkan masa yang panjang digunakan untuk mengenalpasti tanah dalam tempoh pembinaan projek diluluskan.
- (ii) Adakalanya tempoh pengambilan tanah memakan masa yang agak lama terutamanya tanah-tanah yang melibatkan proses pembatalan rezab hutan. Walaupun pihak KPTG telah menentukan

bahawa permohonan dan kelulusan sesuatu tapak tanah itu dapat diselesaikan dalam masa 6 bulan tetapi kerja-kerja persediaan bagi mengenalpasti tapak dan menentukan tapak boleh dipohon, perlu dimulakan 1 tahun – 2 tahun sebelum permohonan dibuat. Ini bermakna perancangan awal sesuatu projek itu perlu dibuat 2–3 tahun sebelum projek dimulakan. Ini ada kalanya tidak dapat dilaksanakan oleh kerana ada projek-projek yang perlu dilaksanakan dengan secepat mungkin kerana masalah-masalah yang mendesak.

## 2. Perancangan Projek

2.1. Perancangan projek bermula dengan pihak Kementerian menentukan atau mengenalpasti projek-projek yang perlu dilaksanakan dan mendapatkan kelulusan peruntukan dari Unit Perancang Ekonomi (UPE) dan Perbendaharaan. Di peringkat ini perancangan dan penyelarasaran perlu dibuat dengan teliti dengan agensi-agensi yang berkaitan seperti Unit Perancangan Ekonomi, Unit Pelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Kerja Raya, Perbendaharaan bagi menentukan perancangan projek dapat dijalankan mengikut prosedur-prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian Pengurus Projek perlulah mengetahui segala prosedur-prosedur/peraturan-peraturan dan selok-belok mengendalikan projek-projek pembangunan. Adalah didapati bahawa Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat yang menjalankan tugas sebagai Pengurus Projek di Kementerian Kebajikan Masyarakat tidak banyak terdedah kepada kerja-kerja yang berkaitan dengan pelaksanaan projek-projek pembangunan dan ini telah meletakkan pegawai-pegawai ini “at a disadvantage” dalam melaksanakan tugas-tugas mereka. Mereka ini amat perlu diberikan latihan kemahiran dalam bidang perancangan, pelaksanaan, pengesahan dan penilaian projek-projek, lebih-lebih lagi kerja-kerja dalam bidang ini banyak memerlukan input teknikal.

2.2. Aktiviti perancangan ini juga memerlukan banyak “paperwork” dan dokumentasi seperti penyediaan ringkasan projek, “accomodation briefs”, penyediaan pelan rekabentuk dan sebagainya yang kadangkala memakan masa yang panjang. Penyediaan pelan rekabentuk akan dilaksanakan oleh agensi pelaksanaan dan bagi Kementerian ini agensi pelaksana ialah Jabatan Kerja Raya, Ibu Pejabat.

2.3. Jabatan Kerja Raya telah mengambil masa yang panjang untuk menyediakan pelan rekabentuk bagi projek-projek Kementerian ini memandangkan kebanyakan projek Kementerian tidak boleh menggunakan

pelan piawaian yang sedia ada di atas sebab-sebab seperti berikut:

- (i) Perlu mengambil kira keperluan-keperluan khas golongan sasaran seperti kanak-kanak, kanak-kanak cacat, orang tua dan orang-orang cacat yang memerlukan rekabentuk khusus untuk kegunaan mereka;
- (ii) Kedudukan tanah yang berbukit-bukit yang tidak mengizinkan penggunaan pelan piawaian dan bagi projek-projek ubahsuai, rekabentuk bangunan adalah terhad kepada ruang dan kemudahan-kemudahan yang ada.

**2.4.** Untuk membuat pelan-pelan rekabentuk yang khusus ini pihak Jabatan Kerja Raya perlu membuat kajian dari segi keperluan-keperluan golongan sasaran, kemudahan-kemudahan khas yang perlu diadakan serta kedudukan tanah dan bangunan-bangunan yang sedia ada. Ini telah mengambil masa yang panjang.

**2.5.** Selain daripada penyediaan “paperwork” yang memakan masa yang panjang, proses menguruskan projek juga didapati memakan masa yang lama memandangkan ianya melibatkan banyak aktiviti-aktiviti yang perlu dikendalikan oleh pelbagai agensi. Dalam kajiannya MAMPU telah mendapatkan bahawa proses perancangan dan pelaksanaan projek merangkumi 52 aktiviti utama dan melibatkan agensi-agensi seperti Kementerian, Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kesihatan, KPTG, Pentadbir Tanah Daerah, MMKN, Agensi Pelaksana (JKR atau swasta), Jawatankuasa Piawaian & Kos, Lembaga Tender, Kontraktor. Dalam melaksanakan projek-projek pembangunan ini, kelewatan akan berlaku jika terdapat “bottleneck” di beberapa peringkat aktiviti kritikal dan ini akan menjadi penghalang kepada kelincinan pelaksanaan projek. Oleh yang demikian, satu sistem pengawasan yang sistematik amat perlu diamalkan oleh Pengurus-pengurus Projek agar kelincinan perjalanan projek dapat dipertingkatkan. Di sini juga Pengurus Projek perlukan pendedahan kepada penggunaan alat-alat pengurusan projek seperti Rangkaian PERT, Carta GANTT, “Critical Path Analysis”, Aliran Kerja, “Checklist”, Aliran Pembiayaan dan sebagainya.

### **3. Penyediaan Dokumen dan Tawaran**

**3.1.** Penyediaan dokumen dan tawaran ini adalah di bawah tangungjawab agensi pelaksanaan iaitu lazimnya Jabatan Kerja Raya, Ibu Pejabat. Oleh yang demikian tidak dapat dibincangkan di sini masalah-masalah yang dihadapi di peringkat ini.

#### **4. Pembinaan**

**4.1.** Peringkat ini dipertanggungjawabkan kepada agensi pelaksana. Walau bagaimanapun, dari apa yang dapat dilihat masalah utama dalam peringkat ini ialah kekurangan keupayaan kontraktor untuk menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan. Jika ini berlaku pihak JKR boleh menamatkan kontrak atau membolehkan kontraktor menyiapkan projek dengan mengenakan denda. Untuk menamatkan kontrak akan menimbulkan masalah-masalah lain yang berkaitan dengan perlantikan kontraktor yang baru. Selain daripada kekurangan keupayaan kontraktor untuk menyiapkan kerja, ada juga masalah di mana apabila terdapat kurang pengawasan, kontraktor akan membuat kerja-kerja yang kurang bermutu tinggi. Ini bukan sahaja merupakan pembaziran wang Kerajaan tetapi juga akan menjadikan perkhidmatan kepada golongan-golongan sasaran. Oleh yang demikian pengawasan projek amat perlu dititikberatkan. Untuk mengatasi masalah ini, pernah dicadangkan bahawa kontraktor-kontraktor didekahkan kepada satu sistem latihan yang lengkap dalam pelbagai bidang industri pembinaan dan juga galakan-galakan seperti peluang latihan, pemberian sijil dan sebagainya diberi kepada kontraktor yang berjaya menyiapkan projek lebih awal daripada tempoh yang ditetapkan.

#### **5. Perolehan Alat-alat Kelengkapan**

**5.1.** Rancangan mengenai keperluan-keperluan projek dari segi perolehan peralatan dan alat-alat kelengkapan perlu dibuat dari awal lagi iaitu semasa dalam peringkat perancangan. Ini adalah untuk membolehkan peruntukan membeli peralatan dan alat kelengkapan dipohon di dalam peruntukan pembangunan. Pembelian peralatan ini pula perlu dibuat di peringkat akhir dalam tempoh pembinaan supaya apabila pembinaan siap, alat-alat kelengkapan telah tersedia dan perkhidmatan sesuatu projek itu bolehlah dimulakan.

**5.2.** Perolehan alat kelengkapan bagi sesuatu projek adalah di bawah tanggungjawab Kementerian ini khususnya Bahagian Kewangan yang menentukan bahawa semua perolehan adalah teratur dan mengikut arahan-arahan/proseduryang ditetapkan di dalam Arahan Perbendaharaan serta Surat-surat Pekeliling Perbendaharaan yang dibuat dari semasa ke semasa. Tujuan prosedur ini adalah untuk mengelakkan pembaziran dan memastikan setiap perolehan menguntungkan Kerajaan dari segi "best

value for money spent". Dalam pada itu, adalah menjadi tanggungjawab Kementerian untuk menentukan bahawa perolehan itu adalah yang paling menguntungkan dari segi harga, kualiti, kegunaan dan jangkamasa kegunaan.

## Rumusan

Menyelia perjalanan projek-projek pembangunan bukanlah satu kerja yang mudah oleh kerana perjalanananya melibatkan banyak agensi-agensi luar dan ada kalanya pelaksanaannya adalah di luar kawalan Kementerian ini. Selain daripada kemahiran-kemahiran yang perlu ada mengenai pelaksanaan projek-projek pembangunan "rapport" yang baik dan berkesan perlu diteruskan dengan agensi-agensi yang berkaitan agar pelaksanaan projek dapat diuruskan dalam suasana yang mesra dan berkesan.

## SAHABATKU POLITIKUS

Kau kata kau tulus ikhlas  
Berjiwa bersih seperti putihnya kapas  
Tapi aku masih was-was.....

Politikus memang pintar berpidato  
Memancing undi rakyat semberono  
Dahulu memang tidak jadi perihal  
Kerana rakyat masih belum mengenal.

Kini rakyat sudah celek matanya  
Kenal yang mana intan yang mana kaca  
Kejujuran politikus kebanyakannya dusta  
Seperti biawak  
Lidah bercabang dua.

Kau perlu mengubah sikap segera  
Apa yang dikata mesti di kota  
Janji-janji manis hanya kosong sahaja  
Rakyat tidak mudah lagi diperdaya  
Segala-galanya terletak dalam tanganmu sahabat  
Salah pilihan akan membawa akibat.

31.7.1989



## PARTI KOMUNIS MALAYA

### I

(a) (1948 - 1955)

Di satu ketika  
Kau bermaharajalela  
Mengganas bak harimau luka  
Menerkam kejam  
Mangsa yang tak berdosa  
Persis "reign of terror"  
Kononnya membebaskan negara  
Dari penjajahan British durjana.

### II

Kau perjuangkan ideoloji  
Komunisma  
Kau laung-laungkan slogan  
Sama rata sama rasa  
Ramai terikut-ikut  
Lantaran takut, kecut  
Kau paksa, kau hasut  
Terketar-ketar melutut.

### III

Waktu itu kau tepuk dada  
Perjuanganmu pasti berjaya  
Tetapi kau tidak ingat  
Jalan diikuti jalan sesat  
Kau ditentang habis-habisan  
Oleh Kerajaan dan rakyat  
Biar putih tulang  
Jangan putih mata

IV

(b) (1955)

Rakyat bangun satu hati  
Mempertahankan hak demokrasi  
Ideologi Komunisma dihapuskan  
Malaya berjuang untuk kemerdekaan  
pernah di Baling 1955  
Perjumpaan damai diadakan  
Di antara Tengku dan Chin Peng  
Tetapi kau pandang sepi.

V

Tatkala di Baling Tengku menyeru  
Rakyat tidak menyokongmu  
“Letakkan senjata  
Serah diri”, tetapi  
Chin Peng ketuamu menolak  
Sanggup kembali ke hutan  
Perjuangan sia-sia diteruskan  
Beribu jiwa terkorban.

VI

(c) 1955 - 1988

Kau terus diburu  
oleh Perajurit satu persatu  
Kejayaan Kerajaan terbayang  
Kau lari lintang pukang  
Ke perbatasan Thailand  
Sangka mendapat bantuan  
Negara Tiongkok  
Tapi kau yang merengkok

VII

(d) Disember 1989

Akhirnya kau nyata kecewa  
Kesal perjuangan sia-sia  
Di seluruh dunia Komunisma  
Satu persatu tumbang bak domino  
Di Hadyai Perjanjian Damai dimetri  
Di antara Kau, Thailand dan Malaysia  
Baru kau sanggup meletakkan senjata  
Berakhirlah satu detik sejarah negara.

Kuala Lumpur  
11.12.1989.

## DEMOKRASI BANGUN SEMULA

### I

(a) Sebelum ditembak oleh \*PLA  
Mereka berhimpun beramai-ramai secara aman  
di Tiananmen Square  
Menentang pemerintahan kuku besi  
Komunisma durjana  
Sudah lama berkuasa, bermaharajalela  
Berdekad-dekad lamanya  
Tetapi rakyat terus menderita,  
Menderita tanpa akhirnya.

### II

Kebebasan rakyat disekat  
Mulut ditutup rapat-rapat  
Tiada siapa yang berani bersuara  
Takut diseret ke dalam penjara  
Hidup sengsara  
Merana.

### III

Tetapi kini mereka berani bersuara  
Pemerintah dikutuk termasuk pemimpin durjana  
Penderitaan mereka amat ketara  
Penuntut-penuntut Universiti bergabung tenaga  
Dengan seluruh rakyat jelata  
Menuntut demokrasi, hak mereka.

### IV

Demokrasi, mereka laparkan demokrasi  
Hak kebebasan yang dinanti-nanti  
Biar apapun akan terjadi  
Walaupun mati  
Mereka terus menentang  
Malam siang, pagi petang.

V

Mereka tentang sesiapa saja termasuk PLA  
Yang menindas hak kebebasan bersuara  
Mereka rela menghadapi sebarang bencana  
Dengan berani seperti singa  
Bergerak giat dan kuat  
Sehingga ke akhir hayat.

VI

- (b) Selepas ditembak dan dipersuraikan....,  
Biar mereka mati bergelimpangan  
Berenang dalam lautan darah  
Tetapi hak demokrasi terus diperjuangkan  
Sehingga ke titisan akhir darah  
Mereka menuntut demokrasi  
Komunisma pasti akan mati!

Seluruh negara bebas bersimpati dengan mereka  
Moga-moga satu hari nanti cita-cita mereka  
berjaya jua.

\*PLA—People's Liberation Army.

13.6.1989

## KAU DIBEBASKAN


Oh! Alangkah gembiranya  
Mendengar berita  
Kau terselamat dari terpedaya.

Aku tahu betapa cemas  
Dan rimas  
Panas.....  
Ketika kau dihadapkan  
Ke muka pengadilan  
Terdengar bisikan-bisikan, cemuhan dan ejekan.

Aku tahu kau tak bersalah  
Hati kau putih bersih terserlah  
Tapi kau sahaja dipersalah  
Kononnya pecah amanah  
Oleh mereka  
Musuh dan seteru paling nyata.

Kini kau terus terlepas bebas  
Kuucapkan Syabas!  
Segala usaha-usahamu tidak sia-sia  
Berkat doa sahabat setia  
Bergembiralah sahabat  
Kau kini sudah selamat.

23.6.1989.



## PENGALAMAN SAYA DI KEMENTERIAN KEBAJIKAN MASYARAKAT SELAMA 6 TAHUN 10 BULAN

SAYA mula bertugas di Kementerian Kebajikan Masyarakat selaku Ketua Setiausaha pada 16.7.1983. Sebelum itu saya memegang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha I di Kementerian Pengangkutan lebih kurang 1½ tahun.

Sebelum saya memulakan tugas di Kementerian Kebajikan Masyarakat, saya masih samar-samar tentang fungsi dan peranan yang dimainkan olehnya. Kerap kali saya mendengar orang-orang melepas cakap secara sinis bahawa Kementerian baharu ini tidak ada “glamour” kerana walau bagaimana banyak sekalipun usaha-usaha yang dijalankannya, kebanyakannya orang menganggapnya sebagai perkara biasa sahaja. Agensi-agensi Pusat seperti Perbendaharaan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan sebagainya jarang-jarang sekali memberi keutamaan yang tinggi kepada keperluan-keperluan yang mendesak Kementerian ini. Satu daripada sebabnya barangkali ialah kerana projek dan program yang dilaksanakan oleh Kementerian ini sukar dinilai produktivitinya dalam konteks pulangan ekonomi (economic return) jika dibandingkan dengan projek-projek Kementerian lain seperti Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Kementerian Kerja Raya dan sebagainya.

Menteri saya yang pertama di Kementerian ini ialah Y.B. Datin Paduka Hajah Aishah Ghani (sekarang bergelar Tan Sri). Saya berkhidmat dengannya selama lebih kurang setahun. Pada pengingatan saya, saya tidak mengalami sebarang masalah dari segi peribadi dan juga dari segi pentadbiran di bawah pimpinan Menteri wanita ini, kecuali sekali-sekala dia menyatakan rasa tidak puas hatinya terhadap draf ucapan yang disediakan oleh pegawai-pegawai tertentu di Kementerian ini sewaktu beliau dikehendaki berucap dalam Majlis-majlis Pembukaan Rasmi. Beliau selalu mengkritik bahawa ucapan yang disediakan oleh pegawai-pegawai tersebut tidak bernes dan tidak padat isinya dan diumpamakan seperti “bubur kacang cair sahaja”.

Y.B. Tan Sri Aishah Ghani selaku Ketua Wanita UMNO ketika itu kerap kali bertugas di luar pejabat. Justeru itu, saya menyahut tugas-tugas mengendalikan pengurusan Kementerian secara bersendirian. Saya kerap bertugas ke luar pejabat untuk melawat semua institusi yang dikendalikan oleh Kementerian ini. Kementerian Kebajikan Masyarakat mempunyai sebanyak 46 buah institusi yang dipecahkan seperti berikut:

Rumah Kanak kanak	4
Rumah Budak Laki-laki	2
Rumah Orang Tua (Rumah Seri Kenangan)	8
Pusat Pemulihan Pengemis	1
Sekolah Akhlak (Sekolah Tunas Bakti)	7
Rumah Tahan sementara/Asrama Akhlak	9
Asrama Akhlak	3
Pusat Perlindungan Wanita (Taman Seri Puteri)	5
Pusat Pemulihan Orang Cacat	1
Rumah Kanak-kanak Cacat Akal (Taman Sinar Harapan)	5
Bengkel Terlindung	1
	46

Dengan cara ini saya mengetahui dengan lebih mendalam lagi masalah-masalah pengurusan yang dihadapi oleh sebuah institusi itu. Bilangan penghuni di semua institusi ini ialah 5438 orang.

Kementerian Kebajikan Masyarakat yang ditubuhkan dalam tahun 1964 selepas Perang Dunia II, mula berfungsi sebagai sebuah Jabatan untuk menampung kesulitan rakyat akibat perperangan. Ia kemudian ditokok-tambah secara "ad hoc" dengan lain-lain aktiviti yang pada dasarnya meliputi kesemua aspek penderitaan manusia. Pada mulanya juga ia dipertanggungjawabkan mengendalikan masalah-masalah Orang Asli dan juga belia; dan selepas itu masalah-masalah dadah dan juga wanita dalam pembangunan. Lama-kelamaan perkara-perkara ini satu persatu tercincir dari senarai tanggungjawabnya sehingga akhir-akhir ini ia mengendalikan kumpulan sasaran berikut sahaja, iaitu:

- (1) Kanak-kanak dan orang muda
- (2) Keluarga
- (3) Orang Tua
- (4) Pesakit yang terlantar (bed-ridden)
- (5) Pengemis
- (6) Juvena (juvenile delinquents)
- (7) Pesalah Dewasa
- (8) Wanita (mangsa gejala sosial)
- (9) Komuniti, khususnya Perkhidmatan Komuniti
- (10) Orang Cacat
- (11) Pertubuhan Sukarela yang ada kaitannya dengan kebajikan
- (12) Kumpulan-kumpulan lain seperti Orang Kerdil, Mak Nyah dan sebagainya.

Namun begitu, Kumpulan Sasaran Kementerian masih besar bilangannya. Jumlah bilangan Orang Tua sahaja ketika ini berjumlah lebih daripada sejuta manusia manakala jumlah bilangan orang cacat dari berbagai kategori adalah ditaksirkan lebih kurang 1% dari jumlah penduduk Malaysia. Ini tidak termasuk bilangan kanak-kanak di bawah umur 4 tahun dan berbagai-bagi lagi. Nyatahal di sini bahawa tanggungjawab yang dipikul oleh Kementerian adalah berat dan tidaklah boleh dianggap sewenang-wenangnya sebagai tidak penting khususnya jika dipandang dalam konteks kesejahteraan keluarga. Di sini elok juga kita bertafakur sebentar dan tanya kepada diri kita sendiri apakah kita patut berbangga dengan kemakmuran negara sedangkan masih lagi ramai bilangan rakyat yang hidupnya tidak bahagia? Tidak ada maknanya jika sesebuah negara itu makmur hanya dari kacamata ahli-ahli ekonomi berdasarkan kepada pendapatan "per kapita" sedangkan ramai daripada penduduk negaranya seperti Malaysia ini masih lagi hidup di bawah paras kemiskinan dan apa yang menyedihkan lagi masih terdapat golongan-golongan yang tidak berpeluang langsung mengecap nikmat kemewahan hidup akibat dari kecacatan yang tidak dipintainya dan akibat dari prejedis atau perasangka masyarakat yang sentiasa bersikap acuh tak acuh terhadap mereka.

Sungguhpun saya tidak lama berkhidmat dengan Y.B. Tan Sri Aishah Ghani, namun begitu kami telah berjaya berganding bahu membawa kepada beberapa perubahan dan juga pembaharuan di Kementerian dan di antaranya ialah:

- (1) Mewujudkan logo Kementerian Kebajikan Masyarakat yang baru – tujuannya ialah selain daripada menanam semangat perpaduan dan kekitaan di kalangan anggota Kementerian Kebajikan Masyarakat tetapi adalah juga mewujudkan identiti dan kebanggaan untuk berkhidmat dengan Kementerian.
- (2) Bangunan Pusat Sarenti Dadah di Kuala Kubu Bharu yang telah dikosongkan dan tinggal terbiar begitu sahaja telah diusahakan selepas mendapat persetujuan daripada Kementerian Dalam Negeri untuk menempatkan kanak-kanak cacat yang teruk dan juga menampung keperluan Bahagian Latihan Kementerian ini.
- (3) Melancarkan projek CBR (Community Based Rehabilitation) sebagai satu dari program perkembangan sosial di Batu Rakit, Terengganu yang menggalakkan kerjasama dan sokongan dari penduduk-penduduk setempat untuk mengatasi masalah sosial yang dihadapi oleh mereka dengan menggunakan sumber-sumber tempatan yang ada.

- (4) Mengadakan Persidangan Pegawai-pejawai Kebajikan Masyarakat Daerah buat julung-julung kalinya di Kementerian dengan tujuan untuk merapatkan lagi perhubungan atau "rapport" di antara pegawai-pejawai peringkat bawahan dengan pegawai-pejawai di Kementerian.

Y.B. Tan Sri Aishah Ghani telah bersara dari jawatannya pada 16.7.1984 dan tempat beliau telah diganti oleh Y.B. Dato' Abu Hassan bin Haji Omar pada 17.7.1984. Menteri yang baru ini jauh lebih muda usianya dan tampan pula orangnya dan beliau bukanlah seorang yang asing kepada saya kerana kami pernah bertugas bersama di Kementerian Pengangkutan. Tatkala itu beliau menjadi Timbalan Menterinya dan saya sebagai Timbalan Ketua Setiausaha I. Kedatangan Y.B. Dato' Abu Hassan ke Kementerian ini telah disambut baik oleh semua kakitangan Kementerian, mungkin ingin pula berkhidmat di bawah menteri lelaki setelah lima belas tahun di bawah pimpinan menteri wanita. Mereka menaruh harapan agar menteri baru akan membawa banyak lagi perubahan-perubahan dan pembaharuan supaya imej Kementerian Kebajikan Masyarakat akan dapat dipertingkatkan lagi.

Sebagai seorang bekas pegawai PTD, Y.B. Dato' Abu Hassan telah dapat berganding bahu dengan saya tanpa banyak masalah dan kesulitan. Pandangan dan pendekatannya terhadap cara memajukan program dan projek di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat tiada banyak bezanya dengan apa yang disyorkan oleh saya selaku Ketua Pentadbiran Kementerian. Kedua-dua kami bersepakat bahawa peranan yang boleh dimainkan oleh K.K.M. dalam bidang pembangunan atau perkembangan sosial adalah amat penting jika matlamat yang dituju oleh Kementerian ialah mewujudkan semangat berdikari dan tidak bergantung kepada Kerajaan semata-mata sebagaimana yang diamalkan dalam masa yang silam.

Di bawah pimpinan dinamis Y.B. Dato' Abu Hassan, banyak projek-projek baru telah dapat dilaksanakan dengan jayanya. Di antara projek-projek tersebut termasuklah Kempen Minggu Kebajikan Negara, penubuhan Majlis Perkhidmatan Kebajikan Negara, latihan muzik untuk pengemis-pengemis cacat penglihatan, Seminar Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Juvena Daerah, penubuhan Persatuan Orang-orang Kerdil, Pertandingan Sukan Orang Cacat dan sebagainya. Di antara projek ini, penubuhan Majlis Perkhidmatan Kebajikan Negara merupakan satu pembaharuan yang membawa banyak perubahan kepada masa depan Kementerian Kebajikan Masyarakat. Dengan tertubuhnya mekanisme seumpama ini maka kerjasama di antara Kementerian Kebajikan Masyarakat dengan semua Kerajaan Negeri telah dapat dipertingkatkan dan ini besar

ertinya kepada rakyat khususnya mereka yang menjadi kumpulan sasaran Kementerian Kebajikan Masyarakat. Perlu disebutkan juga di sini bahawa di bawah Perlembagaan Persekutuan, tanggungjawab kebajikan masyarakat adalah "concurrent" ataupun dibuat secara bersama.

Dayausaha yang diambil oleh Y.B. Dato' Abu Hassan untuk menubuhkan Majlis seumpama itu adalah merupakan satu keputusan yang berani dan bijak serta berpandangan jauh. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada beliau kerana telah dapat mempereratkan perhubungan baik di antara K.K.M. dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dan secara tidak langsung telah dapat memberi nafas baharu kepada K.K.M. untuk mengendalikan projek-projek dan program pembangunannya dengan lebih berkesan.

Kempen Minggu Kebajikan negara sebenarnya adalah idea saya sendiri. Saya berpendapat masyarakat umum perlu mengetahui dengan lebih dekat lagi segala perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh K.K.M. untuk mereka dan satu daripada caranya ialah dengan mendedahkan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut melalui pameran atau exposisi sewaktu Kempen tersebut berjalan. Idea ini telah saya kemukakan kepada Menteri Kebajikan Masyarakat yang terdahulu tetapi malangnya beliau tidak sempat untuk menerima oleh kerana terdapat penentangan di antara kalangan Pegawai-peгawai Kanan tertentu di Kementerian pada ketika itu yang kebanyakannya tidak berapa gemar kepada perubahan atau pembaharuan.

Sebaik sahaja Y.B. Dato' Abu Hassan menjadi Menteri Kebajikan Masyarakat, saya terus menjual idea ini kepadanya dan beliau tidak ragu-ragu untuk menerima. Sebagaimana yang telah diduga, "impact" dari kempen tersebut telah dapat membuka mata orang ramai yang selama ini menganggap bahawa peranan yang dimainkan oleh K.K.M. tidak begitu penting kepada masyarakat dan negara. Berbagai-bagai aktiviti telah diadakan di peringkat nasional dalam Minggu tersebut yang bermula dari 14 hingga 20 Oktober 1985. Di antaranya termasuklah pameran, Kempen pendaftaran orang cacat, pemilihan tokoh orang cacat, "abilimpics", konsert, seminar, pemilihan majikan dan pekerja cacat terbaik dan pendaftaran pekerja sukarela. Kemuncak aktiviti Minggu tersebut ialah persembahan Konser Orang Cacat di Auditorium Besar, Angkasapuri pada 19 Oktober 1985 dalam mana DYMM Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong dan DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong telah berkenan untuk mencemar duli menghadirinya. Sambutan dari penonton-penonton adalah amat menggalakkan dan dalam hal ini usaha K.K.M. untuk menonjolkan bakat orang-orang cacat dalam bidang seni

dan hiburan telah mendapat perhatian bukan sahaja dari FINAS tetapi juga dari syarikat-syarikat piring hitam yang tertentu.

Tempoh Y.B. Dato' Abu Hassan menjadi Menteri Kebajikan Masyarakat berakhir pada 11.8.1986 berikutan daripada satu rombakan kabinet selepas Pilihanraya. Tempat beliau telah diambil-alih oleh Y.B. Dato' Shahril bin Abdul Samad bermula daripada 11.8.1986, iaitu bekas Menteri Wilayah Persekutuan. Sungguhpun Y.B. Dato' Abu Hassan telah memegang jawatan Menteri Kebajikan Masyarakat lebih kurang dua tahun sahaja, tetapi pembaharuan yang telah dihasilkannya adalah amat besar sekali dan meninggalkan kesan yang besar ertiinya kepada K.K.M. Pertukaran Y.B. Dato' Abu Hassan ke Kementerian Luar Negeri adalah merupakan satu kerugian kepada K.K.M. kerana beliau betul-betul berminat untuk meninggikan imej Kementerian dan secara tidak langsung telah memberi semangat baru kepada semua pegawai di segenap lapisan untuk menjalankan tugas masing-masing dengan lebih tekun, dedikasi dan bermaruah.

Y.B. Dato' Shahrir bin Abdul Samad tidak lama memegang jawatan Menteri Kebajikan Masyarakat, iaitu selama lebih kurang 9 bulan sahaja. Dalam tempoh yang sebegini singkat adalah diperhatikan bahawa beliau telah tidak dapat menumpukan perhatian sepenuhnya kepada usaha-usaha utama Kementerian. Namun begitu beliau telah berjaya di atas inisiatifnya sendiri menghasilkan Kempen Dermawan Malaysia anjuran Yayasan Kebajikan Negara. Beliau telah juga berjaya mengadakan beberapa projek jogathon dengan membawa bintang-bintang filem terkenal dari Hong Kong sebagai satu daripada projek Kempen Dermawan Malaysia yang bertujuan untuk mengisi Tabung Yayasan Kebajikan Negara secara lebih berkesan.

Y.B. Dato' Shahrir adalah seorang menteri yang jauh lebih muda dari Y.B. Dato' Abu Hassan dan beliau banyak mempunyai idea-idea baru tentang bagaimana hendak mempesatkan lagi aktiviti-aktiviti di Kementerian. Malangnya beliau telah tidak dapat bertapak lama kerana beliau telah dilucutkan jawatannya oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 7.5.1987 dan tempatnya telah diganti oleh Y.B. Dato' Mustaffa bin Mohammad mulai dari tarikh 20.5.1987.

Y.B. Dato' Mustaffa bin Mohammad, Menteri Kebajikan Masyarakat yang baru pada hement saya adalah seorang yang suka merendahkan dirinya dan beliau tidak suka menonjolkan dirinya di khalayak ramai tanpa sebarang sebab. Dia amat berhati-hati dalam mengeluarkan perkataan dan sentiasa berunding dahulu dengan saya selaku KSU atau Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat sebelum melaksanakan sebarang perubahan kepada K.K.M. Pendekatan yang diamalkannya secara musyawarah memberi

keyakinan kepada semua pegawai di Kementerian terhadap pimpinannya kerana semua adalah dilibatkan sebelum satu-satu projek dilaksanakan secara menyeluruh. Cara ini adalah amat berkesan kerana kerjasama yang diperolehi dari semua peringkat pegawai adalah amat baik sekali.

Y.B. Dato' Mustaffa adalah seorang yang baik hati dan beliau jarang-jarang sekali menyakitkan hati pegawai. Beliau juga pandai mengambil hati pegawai-pegawai dengan mengadakan banyak perbincangan di tempat kediamannya yang selalunya berakhir dengan majlis jamuan makan. Semua pegawai menghormati beliau dan mereka berasa selesa apabila berdepan dengannya.

Sungguhpun Y.B. Dato' Mustaffa Mohammad tidak "aggressive" nampaknya jika dibandingkan dengan menteri-menteri yang lain, tetapi dalam sifat lemah lembutnya beliau telah berjaya mendapatkan kerjasama untuk membawa Kementerian ke era baharu. Sebagai contoh, Mesyuarat Kedua Menteri-Menteri Kebajikan ASEAN yang diadakan baru-baru ini iaitu pada 26.3.1990 di Park Royal Hotel, Kuala Lumpur adalah hasil dari kewibawaan dan pimpinan beliau. Sebagaimana diketahui, mesyuarat ini telah tidak bersidang selama 12 tahun kerana mesyuarat terakhirnya ialah dalam tahun 1977 di Jakarta, Indonesia, tetapi di bawah pimpinan Y.B. Dato' Mustaffa yang berwibawa lagi unggul, mesyuarat ini akhirnya telah dapat dijayakan dengan mendapat sambutan luar dugaan dari semua Negara-negara ASEAN.

Y.B. Dato' Mustaffa, sungguhpun tidak mempunyai pelajaran yang begitu tinggi, jika dibandingkan dengan menteri-menteri Kabinet yang lain tetapi beliau adalah seorang menteri yang mempunyai "vision" terhadap apa yang harus dilakukan oleh Kementerian terhadap masyarakat umum. Dia sentiasa memandang berat kepada masalah keluarga yang tidak bahagia dalam masyarakat dan ekoran dari pemikirannya maka baru-baru ini K.K.M. telah berjaya bersama-sama dengan Jabatan Perdana Menteri melancarkan Kempen Keluarga Bahagia yang julung-julung kalinya pernah diadakan di negara ini.

Dalam Buku Cenderamata mengambil sempena pelancaran Kempen tersebut beliau dalam Kata-kata Aluan menulis:

"Setiap keluarga menginginkan kebahagiaan hidup dan dengan kehidupan yang sempurna ini akan menjadikan negara aman sejahtera. Oleh itu setiap individu, kelompok yakni keluarga dan komuniti perlulah menjalankan peranan positif masing-masing ke arah kebahagiaan dan kesejahteraan ini.

Sesungguhnya perkembangan ekonomi dan sosial yang pesat juga turut sama memberi kesan ke atas struktur dan hubungan kekeluargaan.

Bagi menjamin kestabilan sosial khususnya, faktor keluarga ini haruslah diberi perhatian serius oleh semua pihak, baik pihak Kerajaan, swasta dan rakyat keseluruhannya. Ini penting kerana kerukunan sesebuah masyarakat itu juga bergantung kepada kerukunan rumahtangga yang menganggotai masyarakat tersebut.

Saya sangat-sangat berharap agar "Gerakan Keluarga Bahagia" yang akan dijalankan dengan berbagai aktiviti untuk selama enam bulan ini akan memberi kesan mendalam dalam jiwa rakyat sejarah dengan hasrat "Keluarga Bahagia Negara Sejahtera".

Seperti Dato' Abu Hassan bin Haji Omar, Y.B. Dato' Mustaffa Mohammad sentiasa mengambil berat tentang tugas yang dipikul oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat khususnya dari segi keberkesanannya terhadap masyarakat. Terdapat beberapa orang pegawai yang telah ditegurnya kerana mereka telah tidak dapat melaksanakan tugas masing-masing dengan baik dan berkesan. Ada yang hanya pandai bercakap sewaktu bermesyuarat tetapi penghasilannya amat mengecewakan. Umpamanya dalam penghasilan kraftangan yang bermutu di institusi-institusi beliau telah lama menyarankan dari mula-mula beliau berkhidmat di Kementerian ini supaya usaha tersebut diberi penekanan tetapi selepas berada dua tahun di Kementerian tiada nampak sebarang perubahan sama ada dari segi pemikiran atau operasi. Memang bila perubahan diutarakan di Kementerian ini, ramai yang menentang kerana pegawai-pegawai tidak suka kepada perubahan walaupun perubahan itu lambat laun akan menguntungkan masa depan mereka. Kebanyakan pegawai di Kementerian ini terlalu taksub kepada tugas-tugas harian mereka sahaja. Banyak menggeliat jika mereka diarah membuat kerja yang di luar tanggungjawab mereka sungguhpun tanggungjawab yang baru ini besar ertinya kepada Kementerian. Saya berpendapat selagi pegawai-pegawai di Kementerian ini tidak sanggup mengubah sikapnya, maka selama itulah Kementerian ini sukar dihormati oleh agensi-agensi pusat dan juga masyarakat umum pada keseluruhannya.

Pada 20.5.1990 akan datang ini Dato' Mustaffa akan genap berkhidmat selama 3 tahun di Kementerian ini. Sungguhpun pada mulanya beliau telah terlalu berhati-hati dalam menjalankan tugasnya, tetapi di waktu kebelakangan ini beliau nampaknya telah menjadi "aggresive" sedikit dengan berani mengkritik golongan tertentu di atas keabaian tanggungjawab mereka terhadap masyarakat. Umpamanya beliau telah menyelar dalam akhbar baru-baru ini ibubapa kanak-kanak cacat teruk yang tidak pernah sekalipun menjenguk dan mengambil tahu tentang anak-anak tersebut dan sebaliknya bulat-bulat melepaskan tanggungjawab

semata-mata kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat. Sikap ibubapa seumpama itu amatlah tidak bertanggungjawab dan amat dikesalkan. Sepatutnya ibubapa seperti ini berterima kasih kepada K.K.M. kerana telah bersusah payah memelihara anak-anak mereka itu, tetapi sebaliknya mereka terus menghilangkan diri dan meninggalkan anak-anak mereka itu sehingga mati. Sifat kejam seumpama ini perlulah dikikis oleh masyarakat di negara ini kerana implikasinya adalah amat buruk sekali khususnya dari segi perikemanusiaan.

Saya telah dapat berganding bahu dan bekerjasama dengan Dato' Mustaffa sebagai satu pasukan tanpa menghadapi banyak masalah. Harapan saya dengan adanya Ketua Setiausaha yang baru nanti, kerjasama erat seperti ini dapat diteruskan sehingga matlamat K.K.M. tercapai 100% insyaAllah. Dasar Kebajikan Negara yang diluluskan oleh Kerajaan baharu-baharu ini boleh dijadikan sebagai pegangan, pedoman atau pimpinan untuk Kementerian melaksanakan segala dasarnya dengan lebih tegas, berani, berwibawa dan berkesan. Saya merasa bangga kerana terlibat dalam penggubalan Dasar ini secara langsung dan saya berharap mulai dari sekarang imej K.K.M. akan sentiasa berkembang seluas-luasnya.

Sebelum saya mengakhiri makalah yang agak ringkas ini, saya suka mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua anggota Kementerian Kebajikan Masyarakat kerana telah membantu saya menjalankan tugas dengan sedaya upaya yang boleh. Ucapan terima kasih saya juga kepada semua Y.B. Menteri-menteri Kebajikan Masyarakat bermula dari Tan Sri Aishah Ghani sehingga Y.B. Dato' Mustaffa Mohammad kerana telah memimpin saya dengan penuh berpengalaman dan kebijaksanaan.

## BERSATU UNTUK KEBAJIKAN

TEMPO SLOW POP

LAGU : AHMAD DASSILAH MOHD YUSOFF  
S.KATA : DATO' SYED ZAINAL  
ABIDIN JAMALULLAIL

The musical score consists of five staves of music. The first staff starts with a treble clef and a key signature of one flat. The second staff starts with a bass clef and a key signature of one flat. The third staff starts with a bass clef and a key signature of one flat. The fourth staff starts with a bass clef and a key signature of one flat. The fifth staff starts with a bass clef and a key signature of one flat.

LYRICS:

RAK-YAT MA-LAY-SIA BER-SA TU HI-DUP BER-JI-WA MU-LI -  
A TO-LONG ME NO-LONG BAN-TU MEM BAN-TU JA-DI A MA-LAN SE-TIAP MA -  
SA YANG SU SAH YANG MEN DERI TA ME-MER LU-KAN BAN-TU -  
AN SA-MA BER BAK TI SE-MANGAT MUR NI ITULAH A MA-LAN YANG SU -  
CI TAK SI-A PA YANG ME-MIN-TA DI-LA-HIR -  
KAN DERI TA SE-DAR LAH TAU-LAN IN-SAF LAH RA-KAN KU-TA IN-SAN BI-A -  
SA BER-SA-TU UN TUH KE-BA-JI-KAN DE-MI KE-BAH-GIAAN SEMU-A HI-DUP  
SE-JAH-TERA A-MAN DAN MAK-MUR I-TU LAH HA-RA-PAN KU TA